



Hakcipta Terpelihara 2014

Penerbitan ini boleh diterbit semula keseluruhan dan sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hakcipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskhah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber di Kementerian Wilayah Persekutuan. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Kementerian Wilayah Persekutuan.

Disunting Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2
62100 Putrajaya

ISSN 1823-5689





ISI KANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN 2014

06 Petikan Perutusan

Menteri Wilayah Persekutuan

10 Petikan Kata Alu-Aluan

Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan

12 Kalendar Korporat

19 Laporan Bahagian

- 20 Bahagian Perancangan Dasar
 - 30 Bahagian Khidmat Pengurusan
 - 37 Bahagian Pembangunan Strategik
 - 40 Bahagian Pembangunan Sosio Ekonomi
 - 51 Bahagian Pengurusan Maklumat
 - 55 Bahagian Pengurusan Pembangunan
 - 64 Bahagian Komunikasi Korporat
 - 75 Bahagian Kewangan
 - 78 Bahagian Akaun
 - 80 Pejabat Penasihat Undang-Undang
 - 81 Unit Audit Dalam
 - 82 Unit Integriti
 - 84 Unit KPI
-

87 Imbasan Program Agensi Di Bawah Kementerian Wilayah Persekutuan

- 88 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- 91 Perbadanan Putrajaya
- 95 Perbadanan Labuan
- 97 Majlis Sukan Wilayah Persekutuan
- 100 Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu



Petikan Perutusan

Menteri Wilayah Persekutuan

"We are taking a positive step forward by venturing into this idea of creating the Greater Kuala Lumpur Klang Valley Sustainability Centre (GKLVSC) which I am confident will help to enhance Greater Kuala Lumpur's liveability by the pulling together of resources from the public and private sectors. It aims to become a research hub that will fast-track research, and at the same time provide a platform for knowledge and technology transfer. It is my hope that the centre will produce ideas and policies which will not only shape our cities towards sustainable development, but also achieve competitive advantages regionally and internationally"

MoU Signing Ceremony for Greater KL/Klang Valley Sustainability Centre Between Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) and AECOM, BNM Museum and Art Gallery, Bank Negara Malaysia | 20 Mac 2014

"Kita perlu sedar bahawa untuk mencapai tahap kecemerlangan, sesebuah organisasi tidak boleh bergantung kepada kecekapan dan kemahiran segelintir warganya sahaja. Sebaliknya, ia memerlukan tindakan semua pegawai dan kakitangan secara bersama-sama dan menggerak langkah kecemerlangan dengan harmoni sebagai satu pasukan. Dengan itu, penjawat awam perlu sentiasa kreatif memperluaskan diri dengan kemahiran semasa, inovatif dalam mencari peluang bagi mendedahkan diri kepada perkara baharu, serta agresif dalam mempelajari ilmu untuk meningkatkan kecemerlangan diri dan perkhidmatan awam"

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Bersama Agensi, KWP | 1 April 2014

"Semua pembangunan yang dirancang ini adalah bertujuan untuk memberi keselesaan kepada bakal penduduk kelak supaya mereka lebih ceria dan bangga menjadi sebahagian daripada rakyat Wilayah Persekutuan. Ini secara tidak langsung membuktikan keprihatinan pihak Kerajaan dalam memastikan bahawa bukan hanya kuantiti rumah sahaja disediakan tetapi juga kualiti hidup rakyat dapat ditingkatkan dengan kediaman yang selesa dan strategik"

Majlis Pelancaran Dan Sesi Pengundian Projek RUMAWIP Residensi Pandanmas, KWP | 8 Ogos 2014

"Nasib gelandangan memerlukan tindakan segera bagi mengelakkan pelbagai permasalahan yang lebih serius timbul. Hasil perbincangan dengan agensi yang terlibat, dan kesemua golongan terpinggir tersebut akan ditempatkan di kuarters bujang DBKL. Mereka akan diberi bantuan rumah dan diharapkan dapat memberi sinar baharu untuk mereka memikirkan kehidupan yang lebih baik di masa akan datang selaras dengan hasrat Kerajaan yang mendahulukan rakyat"

Utusan Malaysia | 14 November 2014

"Usaha mengekalkan warisan sejarah dan menaik taraf kawasan di sepanjang Sungai Gombak mampu mengukuhkan nilai komersial kawasan terbabit. Kerja pengindahan Sungai Gombak dan Klang mampu menjadikan sungai sebagai penghubung kepada sejarah warisan negara dan lokasi tumpuan lain di sekitarnya"

Berita Harian | 5 Disember 2014

"Aplikasi mudah alih 1WPrice dibangunkan untuk pengguna mendapatkan maklumat seperti lokasi kedai yang menawarkan harga berpatutan dan menjadi hasrat Kerajaan membantu rakyat membuat pilihan yang tepat semasa berbelanja di samping mengenal pasti premis perniagaan di sekitar ibu kota menerusi aplikasi ini. Peniaga juga boleh mempromosi barangan dengan menggunakan aplikasi ini tanpa kos pengiklanan kerana ia turut menyediakan platform kepada peniaga mempamerkan barangan"

Sinar Harian | 11 Disember 2014

"Penganjuran LAMPU 2014 oleh Kementerian dan Perbadanan Putrajaya (PPJ) itu sedikit sebanyak dapat "menutup" mulut segelintir masyarakat bahawa Putrajaya adalah sebuah bandar yang lesu terutama pada waktu malam. Dengan adanya program bertaraf antarabangsa seperti ini, masyarakat terutama penduduk Putrajaya dapat menikmati aktiviti yang kita sediakan di sini"

Berita Harian | 14 Disember 2014



DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR



Petikan Alu-Aluan

Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan

Petikan Alu-Aluan

Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan



“Kesejahteraan masyarakat merangkumi aspek kebersihan persekitaran, keindahan dan ketenteraman awam. Kualiti kehidupan dan kesejahteraan masyarakat boleh dipertingkatkan dengan kerjasama serta penglibatan penduduk setempat. Malah pemimpin komuniti juga boleh memainkan peranan penting dalam menyedarkan setiap penduduk supaya mempunyai rasa tanggungjawab menjaga kebersihan kawasan masing-masing”

Anugerah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kebersihan Kawasan Perumahan Wilayah Persekutuan 2013 & Sumbangan Kepada Persatuan Penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2014, Dewan Perdana, Kompleks Keramat Mall | 27 Mac 2014

“PIIACUF 2014 menunjukkan komitmen berterusan Perbadanan Putrajaya untuk membangunkan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan sebagai sebuah wilayah kegemilangan kesenian dan kebudayaan Islam alaf baru. Sokongan daripada duta asing dalam penganjuran ini turut menjadi pengiktirafan kepada Putrajaya sebagai pusat yang dapat mengumpulkan kebudayaan Islam berbeza merentasi sempadan”

Berita Harian | 17 Oktober 2014

“Melaksanakan inovasi dan transformasi memerlukan kesanggupan untuk kita melakukan sesuatu yang mungkin tidak pernah kita buat sebelum ini. Istilah

bekerja *in silo* harus dielakkan agar keberkesanan sesuatu keputusan dilakukan secara kolektif dan tidak akan memberikan kesan yang memudaratkan kepada organisasi di kemudian hari”

Majlis Sambutan Hari Psikologi dan Inovasi 2014, KWP | 17 November 2014

“Kita perlu menyuntik semangat ke arah menjadi penjawat awam yang mempunyai nilai tambah atau *value added qualities* yang bukan sahaja cekap dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan, bahkan berintegriti dan mempunyai komitmen yang tinggi serta berani menerima perubahan serta mencuba sesuatu yang baru dalam usaha mempertingkatkan kualiti perkhidmatan awam agar setanding dengan negara maju. Usaha yang gigih ini mampu mengangkat imej KWP agar berada pada tahap yang dapat dibanggakan”

Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Wilayah Persekutuan Peringkat Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan Bil. 6/2014 | 8 Disember 2014

“Saya percaya penutupan premis judi haram itu adalah kesan positif daripada serbuan yang kami telah jalankan sebelum ini dan operasi ini akan diteruskan sehingga Wilayah Persekutuan bebas daripada aktiviti haram”

Berita Harian | 24 Disember 2014

DATUK SERI ADNAN BIN HAJI MD IKSHAN



www.kwp.gov.my



Kalendar Korporat

Kalendar Korporat

Januari



13 Januari - Perhimpunan Bulanan Bersama Datuk Seri KSU KWP



14 Januari - Sambutan Maulidur Rasul



15 Januari - Sidang Media SHWP 2014



24 Januari - Lawatan Datuk Seri KSU ke TV Al-Hijrah



19 Januari - Langkah Ceria & Pelancaran Kibar Bendera WP



Februari



1 Februari - Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan 2014



24 Februari - Perhimpunan Bulanan Bersama YB Menteri WP



6 Februari - Forum Perdana Hal Ehwal Islam



8 Februari - Walkabout KSU ke Pasar Malam Jln TAR dan Jln Alor Bukit Bintang

Mac



3 Mac - Perhimpunan Bulanan Bersama Datuk Seri KSU KWP



27 Mac - Majlis Penyampaian Anugerah KPI Kebersihan



April



19 April - Majlis
Perwakilan
Penduduk Wilayah
Persekutuan



26 Mei - Perhimpunan Bulanan
Bersama Datuk Seri KSU KWP

Mei



28 Mei - Kejohanan
Boling KESWIIP



Jun



14 Jun
- Floria
Putrajaya



6 hingga 8 Jun
- Hari Bersama
Pelanggan
KWP & Agensi

Julai

1 Julai - Program
Nur Ramadan
Peringkat WP
Putrajaya



20 Julai -
Program Nur
Ramadan
Peringkat WP
Kuala Lumpur



4 Julai -
Program Nur
Ramadan
Peringkat WP
Labuan

Ogos



19 Ogos -
Perhimpunan
Bulanan
Bersama Datuk
Seri KSU KWP



8 Ogos - Majlis Pelancaran
& Pengundian RUMAWIP
PANDANMAS



19 Ogos - Majlis Rumah
Terbuka Aidilfitri KWP

September



8 September -
Majlis Apresiasi
Kementerian
Wilayah
Persekutuan



26 September -
Forum Perdana
Ehwal Islam Pantai
Dalam



**30 September
hingga 1 Oktober -**
Majlis Perasmian KIK
Perkhidmatan Awam

Oktober



14 Oktober
- Seminar
Psikopendidikan
Keibubapaan



30 Oktober - Forum
Perdana Ehwal Islam
Putrajaya



21 Oktober - Kursus
Pengasuh TASKA



November



7 November -
Forum Perdana
Ehwal Islam
Setiawangsa



7 November -
Majlis Sambutan
Deepavali



10 hingga 11 November -
Seminar Memperkasakan
Inisiatif Teknologi Hijau
Di Wilayah Persekutuan



4 Disember - River Of Life



9 Disember - Pelancaran Aplikasi 1WPrice



22 Disember - Perhimpunan Bulanan Bersama Datuk Seri KSU KWP



Disember



15 Disember -
Perhimpunan Bulanan YB
Menteri WP



www.kwp.gov.my



Laporan Bahagian



Bahagian Perancangan Dasar

Bahagian Perancangan Dasar bertanggungjawab dalam hal ehwal perancangan serta penggubalan dasar-dasar pembangunan sosial; ekonomi dan keselamatan. Bahagian ini juga turut bertanggungjawab dalam menyelaras serta merancang pembangunan semula bandar bagi kawasan-kawasan *slum*; *brownfield*; dan *infill* yang berpotensi untuk dimajukan.

PROGRAM TAHUN 2014

Kunjungan Hormat Delegasi OISCA International



Lawatan Delegasi OISCA International, Jepun kepada YB Menteri Wilayah Persekutuan

OISCA (*The Organisation for Industrial, Spiritual and Cultural Advancement*) International ditubuhkan pada 1961 di Tokyo, Jepun bertujuan untuk membantu meningkatkan kesedaran manusia bagi menjamin kesejahteraan hidup generasi pada masa kini dan akan datang mengenai sistem ekologi bumi dan keseluruhan muka bumi serta atmosfera bumi yang menjadi asas kepada manusia dan semua bentuk benda hidup.

Satu delegasi OISCA International telah mengadakan kunjungan hormat kepada YB Menteri Wilayah Persekutuan pada 4 September 2014 untuk membincangkan potensi kerjasama yang dapat dijalinan antara OISCA dan KWP. Di antara potensi kerjasama yang telah dikenal pasti termasuklah pengurusan teknologi hijau, perbandaran, sisa pepejal khususnya di kawasan bandar, budaya kerja, pelaburan dan keusahawanan.

Bengkel Penyediaan Kertas Strategi Wilayah Persekutuan Bagi Rancangan Malaysia Ke-11

Bengkel Penyediaan Kertas Strategi Wilayah Persekutuan Bagi RMKe-11 telah diadakan pada 13 Mac 2014 bertempat di Dewan Serbaguna, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang dihadiri oleh pegawai-pegawai KWP dan Agensi.

Hasil daripada bengkel tersebut, satu Kertas Strategi Wilayah Persekutuan bagi RMKe-11 telah disediakan bagi membolehkan hasrat dan perancangan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dapat diketengahkan dengan lebih baik di bawah RMKe-11. Penyediaan Kertas Strategi Wilayah Persekutuan ini merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan oleh KWP seperti yang telah diarahkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE,JPM). Penyediaan kertas strategi ini adalah berasaskan kepada enam teras RMKe-11 yang telah ditetapkan iaitu:

- i. Memperkasa Pertumbuhan Ekonomi;
- ii. Memperkasa Pemacu Pertumbuhan;
- iii. Memanfaat Bakat;
- iv. Mengarusperdana Pengurusan Sumber Asli dan Alam Sekitar;
- v. Memperkukuh Pembangunan Inklusif; dan
- vi. Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat.

Di antara bidang-bidang yang dimasukkan di bawah kertas strategi ini adalah pelancongan, perkhidmatan perniagaan, hab pendidikan, hab perkhidmatan minyak dan gas, hab halal, pusat kewangan, industri kreatif, pembangunan semula bandar, pembuatan, pengangkutan, utiliti, pelabuhan dan lapangan terbang, ICT dan telekomunikasi, pengurusan sumber, pengurusan alam sekitar, inklusif, pembangunan komuniti Bumiputera, transformasi bandar, kesihatan, keselamatan awam, perumahan dan sukan

Program Bersama Gelandangan

Isu gelandangan di Kuala Lumpur telah menjejaskan kebersihan dan imej Kuala Lumpur sebagai sebuah ibu kota. Operasi bersepadu yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah berjaya menyelamatkan sejumlah 965 orang gelandangan pada tahun 2013 yang turut melibatkan sejumlah 125 orang pendatang asing. Manakala, seramai 117 orang gelandangan diselamatkan sehingga Mei 2014 yang turut melibatkan sejumlah 21 orang pendatang asing.

Pada tahun 2014, isu ini diberi keutamaan oleh KWP dengan mengambil langkah penyelesaian yang lebih holistik dan berkesan. Sehubungan itu, KWP akan menyediakan sebuah pusat perlindungan gelandangan yang akan dibangunkan secara *Corporat Social Responsibility* (CSR) oleh Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) di atas tanah seluas 1,319 mp milik DBKL di Lot 650, Seksyen 47 Bandar Kuala Lumpur, Jalan Pahang, Kuala Lumpur.

Selain beberapa siri mesyuarat serta perbincangan bersama Agensi-Agensi Kerajaan serta NGO yang berkaitan, beberapa program bersama NGO dan golongan gelandangan telah diadakan oleh KWP termasuklah lawatan turun padang oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan KSU KWP ke beberapa lokasi yang dikenalpasti menjadi kawasan tumpuan golongan gelandangan. Di samping itu, KWP juga turut menganjurkan program mesra rakyat bersama kumpulan gelandangan. Antaranya:

- a) Program Nur Kasih Ramadan pada 22 Julai 2014 iaitu majlis terbuka puasa bersama kanak-kanak PDK dan golongan gelandangan WP Kuala Lumpur. Seramai lebih kurang 350 orang gelandangan telah hadir memeriahkan majlis tersebut yang turut melibatkan penyampaian sumbangan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan kepada golongan tersebut; dan

- b) Majlis Rumah Terbuka Krismas Wilayah Persekutuan pada 25 Disember 2014. Seramai lebih kurang 500 orang gelandangan telah hadir pada majlis tersebut yang dimeriahkan dengan sambutan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan.



Lawatan Bersama YAB Perdana Menteri
Tentang Isu Gelandangan



Lawatan Kerja Ke Dongguan, Republik Rakyat China



Lawatan Kerja ke Dongguan, Republik Rakyat China bertujuan untuk membincangkan mengenai Taman Persahabatan Malaysia-Republik Rakyat China. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 April 2014 telah bersetuju dengan Cadangan Pembinaan Taman Persahabatan Malaysia-China di tapak kekal Floria, Presint 4, Putrajaya sebagai satu simbol kekal bagi memperingati hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China yang memasuki ulang tahun ke-40 pada tahun 2014. Lanjutan daripada keputusan tersebut, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Mei 2014 pula telah bersetuju supaya Kementerian Wilayah Persekutuan menyusul pandangan agar Perbadanan Putrajaya mengkaji kesesuaian pembinaan taman dengan konsep yang serupa di Negara China.

Selepas beberapa siri mesyuarat dengan Kementerian dan Agensi yang berkaitan, satu Lawatan Kerja Ke Dongguan, Republik Rakyat China telah diadakan pada 2 hingga 4 November 2014 bagi mendapatkan maklum balas secara langsung mengenai penerimaan pihak Republik Rakyat China mengenai cadangan ini termasuk lokasi, prosedur dan kaedah pelaksanaan untuk memastikan Jemaah Menteri mendapat maklumat menyeluruh sebelum membuat pertimbangan sewajarnya. Lawatan ini juga diadakan bersempena dengan *21st Century Maritime Silk Road Expo* yang disertai oleh Putrajaya Floria Sdn Bhd dan Persatuan Persahabatan Malaysia-China.

Program Penambahbaikan Kerangka Keberhasilan Bagi *Outcome Based Budgeting* (OBB)



Bengkel OBB
Peringkat MES



Bengkel OBB Peringkat
PPMF



Bengkel OBB
Peringkat APMF

KWP merupakan salah satu daripada enam (6) Kementerian yang dipilih sebagai *Handholding Ministries* untuk melaksanakan penambahbaikan ke atas Kerangka Keberhasilan OBB KWP bagi peringkat *Ministry Executive Summary* (MES), Program (PPMF-*Program Performance Management Framework*) dan Aktiviti (APMF-*Activity Performance Management Framework*) yang telah mula digunapakai pada 2012. Proses penambahbaikan ini adalah bertujuan untuk menilai pelaksanaan OBB peringkat (MES, PPMF & APMF) KWP yang sedia ada; menambahbaik (MES, PPMF & APMF) KWP sedia ada; menentukan hala tuju (MES, PPMF & APMF) KWP; dan memastikan aktiviti di bawah (MES, PPMF dan APMF) KWP adalah selari di antara satu sama lain.

Bagi memastikan kelancaran proses penambahbaikan ini, sebuah Pasukan Khas OBB KWP telah ditubuhkan dan dibantu oleh Pasukan OBB Kementerian Kewangan Malaysia. Tiga (3) siri bengkel telah diadakan bagi melaksanakan penambahbaikan ke atas Kerangka Keberhasilan OBB KWP sedia ada iaitu:

- i. Bengkel MES yang diadakan pada 21 Julai 2014 di Hotel IOI, Putrajaya;
- ii. Bengkel PPMF yang diadakan pada 21 Oktober 2014 di Marina Putrajaya; dan
- iii. Bengkel APMF yang diadakan pada 15 dan 16 Disember 2014 di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB), Cheras, Kuala Lumpur.

Majlis Pelantikan Ahli Jawatankuasa Badan Penasihat Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Wilayah Persekutuan



Pada 3 Julai 2014, KWP telah mengadakan Majlis Pelantikan Jawatankuasa (RIBI) Wilayah Persekutuan. Majlis telah disempurnakan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan turut dihadiri oleh YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, KSU KWP, Pengarah PTGWP serta para pegawai kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Seramai 12 orang Ahli Jawatankuasa Badan Penasihat RIBI Wilayah Persekutuan yang mewakili kepercayaan

dan anutan agama masing-masing telah hadir untuk menerima Sijil Pelantikan. Program ini diadakan bertujuan untuk mengiktiraf wakil-wakil dari kalangan pelbagai kepercayaan dan anutan agama selain Islam sebagai Ahli Jawatankuasa Badan Penasihat RIBI Wilayah Persekutuan bagi bekerjasama dan berganding bahu dengan pihak Kerajaan dalam memberikan sumbangan yang terbaik supaya isu-isu RIBI dapat ditangani secara harmoni melalui perkongsian nasihat dan 'engagement'.

Bengkel Penyediaan Garis Panduan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Wilayah Persekutuan



Bengkel Penyediaan Garis Panduan (RIBI) Wilayah Persekutuan telah diadakan pada 15 hingga 17 Oktober 2014 bertempat di Ramada Plaza Hotel, Melaka. Objektif pelaksanaan Bengkel Penyediaan Garis Panduan RIBI Wilayah Persekutuan ini adalah untuk memberikan pendedahan terhadap dasar-dasar sedia ada berhubung pengurusan Rumah Ibadat Bukan Islam di Wilayah Persekutuan serta mendapatkan input daripada 'stakeholders' iaitu Badan/Persatuan Agama yang terlibat dan agensi-agensi teknikal bagi penyediaan Deraf Garis Panduan.

Bengkel membincangkan antaranya penyediaan garis panduan perancangan RIBI di Wilayah Persekutuan dan pengendalian 'Standard Operating Procedure (SOP) penguatkuasaan ke atas RIBI. Input perbincangan ini akan diselaraskan bagi menyediakan satu garis panduan yang komprehensif untuk menangani isu-isu RIBI dengan lebih efektif.

Bengkel Penilaian Pencapaian Pelaksanaan Pelan Strategik 2013-2014



Bengkel Penilaian Pencapaian Pelaksanaan Pelan Strategik KWP 2013-2014 telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 8 dan 9 September 2014 yang dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan Bahagian dan Agensi KWP. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk:

- i. Bahagian/Agensi KWP membentangkan pencapaian pelaksanaan Pelan Strategik KWP 2013-2014;
- ii. Memperhalusi isu dan strategi bagi penyediaan Pelan Strategik KWP 2016-2020;
- iii. Menambahbaik komponen utama Pelan Strategik KWP (melibatkan elemen visi, misi, objektif, teras strategik, pelan tindakan, inisiatif strategik dan tahun sasaran);
- iv. Menyelaras Pelan Strategik untuk penyesuaian dengan program-program di peringkat nasional; serta
- v. Menyediakan kerangka cadangan penyelesaian bagi cabaran-cabaran strategik.

Penilaian dibuat berdasarkan kepada objektif-objektif komponen 'Maju' dan 'Sejahtera' berasaskan kepada data yang dikumpul sehingga bulan Jun 2014. Secara keseluruhannya, KWP telah berjaya melaksanakan pelan strategik yang dirancang dengan berkesan hasil daripada kesungguhan dan iltizam semua pegawai dan kakitangan KWP dan Agensi.

Lawatan Turun Padang KSU Berkaitan RIBI

Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengadakan **Lawatan Turun Padang (TUPA)** pada **19 Disember 2014** di alamat No. 8 dan No. 10, Jalan Union 3, Off Jalan Sentul, 51100 Kuala Lumpur. Lawatan ini adalah susulan dari aduan yang diterima daripada Persatuan Pengguna Islam dan jiran kepada pemilik kediaman kerana menyalahguna premis kediaman miliknya sebagai tempat ibadat bagi menjalankan aktiviti dan upacara keagamaan.

Berdasarkan laporan yang diterima, kunjungan penganut yang ramai di premis berkenaan telah menimbulkan kesesakan dan ketidakselesaan penduduk di kawasan kejiranan tersebut. Selain itu, pihak KWP juga turut menerima senarai nama penduduk sekitar yang membantah aktiviti keagamaan di premis tersebut. Pihak KWP telah mengesyorkan supaya pihak DBKL membuat siasatan segera dan disusuli dengan tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya terhadap pemilik premis kediaman berkenaan.



Task Force Kebersihan Di Wilayah Persekutuan



Sebelum

Selepas



Sebelum



Selepas

*Pilot Project
Program Mengecat
Semula Bangunan
Usang Di Jalan
Alor, Bukit Bintang,
Kuala Lumpur*

Task Force Kebersihan Wilayah Persekutuan ditubuhkan pada Jun 2013 khusus bagi menangani masalah kebersihan di Wilayah Persekutuan dan mempertingkatkan tahap kebersihan di Wilayah Persekutuan, terutamanya di tempat tumpuan awam dan para pelancong. Kawasan pertama yang dipilih sebagai Zon Kebersihan adalah di kawasan Jalan Tuanku Abdul Rahman di mana pada bulan April 2014, pihak KWP telah bersetuju untuk meluaskan Zon Kebersihan ke kawasan Jalan Petaling.

Task Force ini diperkasakan dengan pelaksanaan 11 Program Kebersihan termasuklah yang diterajui oleh jabatan-jabatan teknikal dan pelaksana dari DBKL. Pada tahun 2014, Program ini telah memperlihatkan impak positif yang telah meningkatkan tahap kebersihan di sekitar ibu kota antaranya melalui program berikut :

- a) Pengindahan bangunan usang di kawasan-kawasan tumpuan di Kuala Lumpur melalui Program Mengecat Semula Bangunan Usang di kawasan Jalan Tuanku Abdul Rahman, Bukit Bintang, Jalan Petaling, Jalan Chow Kit dan Leboh Ampang;

- b) Penambahbaikan longkang, jalan dan struktur di lorong belakang juga dijalankan di beberapa kawasan misalnya di Lorong Petaling, Lorong Alor, Lorong Bandar dan Lorong Panggung;
- c) Penguatkuasaan penggunaan *grease trap* yang telah meningkatkan kebersihan di premis-premis makanan;
- d) Pembersihan iklan-iklan dan notis-notis haram yang mencacatkan pemandangan di ibu kota;
- e) Menangani isu berkaitan penjaja iaitu mengadakan program *engagement* dan menjalankan penguatkuasaan ke atas penjaja yang tidak mematuhi syarat lesen; dan
- f) Program Basmi Tikus dan Haiwan Terbiar dan pelaksanaan penutupan pasar-pasar di Kuala Lumpur secara berkala seperti Pasar Pudu dan Pasar Chow Kit bagi tujuan pembersihan secara bergotong-royong.

Bahagian Khidmat Pengurusan

Bahagian Khidmat Pengurusan bertanggungjawab dalam urusan pembangunan sumber manusia; pengurusan prestasi dan tatatertib; pembangunan organisasi, kompetensi dan HRMIS; dan pentadbiran dan keurusetiaan.

PROGRAM TAHUN 2014

1.1 Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) merupakan satu saluran komunikasi dua hala antara pihak pekerja dengan pihak pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan organisasi. Mesyuarat MBJ

KWP telah diadakan sebanyak empat (4) kali iaitu pada 19 Mac, 24 Jun, 26 September dan 11 Disember 2014.

Di samping itu, KWP turut menganjurkan Mesyuarat Pemantauan MBJ Kementerian dan Agensi sebanyak dua (2) kali. Wakil pekerja Majlis Bersama Jabatan KWP turut mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Kastam Diraja Malaysia Negeri Pulau Pinang pada 21 Disember 2014. Hubungan kerjasama ini bertujuan untuk wakil pekerja MBJ, KWP berkongsi isu-isu serta cadangan dan pandangan berkaitan tadbir urus di peringkat pengurusan organisasi di samping memahami tentang pengurusan, pentadbiran dan pengoperasian.

Lawatan ke Pejabat Kastam Pulau Pinang



Lawatan ke Pejabat Kastam Pulau Pinang

1.2 Minggu Pengemaskinian Buku Rekod Perkhidmatan dan HRMIS atau Program Jelajah PSM

Minggu Pengemaskinian Buku Rekod Perkhidmatan dan HRMIS diadakan setiap tahun bermula tahun 2009. Program ini merupakan inisiatif Kementerian bagi memberi peluang kepada pegawai-pegawai

KWP untuk menyemak Buku Rekod Perkhidmatan bagi memastikan maklumat peribadi dan perkhidmatan pegawai lengkap, teratur dan dikemaskini. Pelaksanaan program ini secara berterusan adalah sangat penting bagi meningkatkan integriti maklumat pegawai dan bagi memastikan proses pengemaskinian dilaksanakan secara berterusan. Program Jelajah PSM dengan konsep turun padang ke setiap aras untuk bertemu semua pegawai telah diadakan pada 4 hingga 10 Julai 2014.

Para Pegawai menyemak Buku Perkhidmatan



Mendengar taklimat daripada Seksyen Pengurusan Sumber Manusia

1.3 Persidangan Panel Pembangunan Sumber Manusia

Persidangan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) merupakan mesyuarat bagi membincangkan hal-hal berkaitan prestasi dan perkhidmatan pegawai-pegawai di KWP seperti penentuan pergerakan/ anjakan gaji, pengesahan markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dan pemilihan calon-calon pegawai yang layak untuk dipertimbangkan bagi penganugerahan perkhidmatan cemerlang (APC) dan Pingat Perkhidmatan Cemerlang. Persidangan PPSM bagi tahun 2014 telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 10 Januari 2014 dan 10 Julai 2014.

1.4 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2013

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) adalah acara tahunan KWP bersama Agensi bagi memberi pengiktirafan kepada pegawai-pegawai di Kementerian dan Agensi yang telah mempamerkan prestasi yang cemerlang dalam melaksanakan tugas selain berjaya mencapai Sasaran Kerja tahunan (SKT) yang telah ditetapkan oleh bahagian/ seksyen/ unit yang berkaitan. Majlis APC bagi tahun 2013 telah diadakan pada 1 April 2014 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Seramai 942 orang warga KWP dan agensi-agensi telah dianugerahkan APC. Daripada jumlah tersebut, 22 orang adalah daripada KWP.

1.5 Anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2012 dan Tahun 2013

Anugerah ini diberikan kepada pegawai perkhidmatan awam yang menunjukkan kecemerlangan luar biasa dalam tugas rasmi serta aktif dalam penglibatan di luar tugas rasmi (termasuk aktiviti kesukarelawan, kemasyarakatan, sukan, kebudayaan dan lain-lain). Pelaksanaan penganugerahan (PPC) adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013. Penganugerahan PPC bagi kedua-dua tahun telah disempurnakan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan pada 15 Disember 2014 di Auditorium, Menara 1, DBKL.

Senarai penerima PPC adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Pegawai	Tahun Diperakukan Penganugerah PPC
1	Encik M Noor Azman bin Taib	2012
2	Puan Rusniza binti Ibrahim	
3	Puan Nur Haizanaim Mamesah binti Jafri	
4	Encik Nor Azman Shah bin Abd Rahman	2013
5	Encik Muhammad Ridha bin Abdul Wahab	
6	Encik Mat Norzaki bin Bahauddin	



Salah Seorang Penerima PPC Bagi Tahun 2012, Encik M. Noor Azman bin Taib.



Encik Nor Azman Shah bin Abd Rahman. Merupakan Salah Seorang Penerima PPC Tahun 2013

1.6 Retreat Halatuju dan Aspirasi KWP

Retreat Halatuju dan Aspirasi KWP diadakan untuk penyediaan SKT tahun 2015 dan pembentangan pencapaian SKT tahun semasa untuk setiap bahagian di KWP selaras dengan halatuju dan aspirasi yang digariskan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan. Retreat Halatuju dan Aspirasi KWP Tahun 2015 telah diadakan pada 11 hingga 13 Disember 2014 bertempat di Bayview Beach Resort, Batu Feringgi, Pulau Pinang.



Sesi Pembentangan SKT Kementerian



Sesi Pembentangan
SKT Kementerian

1.7 Ujian Urine Ke Atas Pegawai-Pegawai Di Kementerian Wilayah Persekutuan

Pelaksanaan Ujian *Urine* bertujuan untuk mengenal pasti sama ada pegawai yang disyaki terlibat dalam pengambilan dadah serta ujian dijalankan secara rambang kepada warga Kementerian Wilayah Persekutuan. Pelaksanaan ujian telah dilaksanakan pada 20 Oktober 2014 (Isnin) bertempat di Bilik Mesyuarat Wawasan, Aras 4, Menara Seri Wilayah. Semua pegawai Pembantu Operasi dan Pemandu dari Bahagian Sosio Ekonomi, Bahagian Pengurusan Pembangunan, Bahagian Pembangunan Strategik serta Bahagian Dasar telah terlibat dalam pelaksanaan ujian ini.

Pelaksanaan ujian diuruskan sepenuhnya oleh pegawai daripada Agensi Antidadah Kebangsaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Pegawai agensi turut diberikan penerangan mengenai tatacara pelaksanaan ujian *urine*. Pelaksanaan ujian ini diadakan secara berkala supaya pemantauan berterusan dapat direkodkan oleh Unit Pengurusan Prestasi. Laporan keseluruhan hasil ujian akan dikemukakan oleh Pasukan Pencegahan AADK Wilayah Persekutuan setelah ujian secara terperinci daripada Hospital Kuala Lumpur diperoleh.

Sesi Ujian Urine



Ujian Urine Di Bilik Wawasan, Aras 4

1.8 Bengkel Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia

Bengkel Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia telah diadakan pada 20 hingga 21 November 2014 di Holiday Inn, Glenmarie, Shah Alam. Bengkel tersebut diadakan untuk semakan semula Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia bagi 2015. Penyusunan semula Pelan Strategik ini adalah bagi memastikan hala tuju atau teras strategik yang dilengkapi dengan pelan tindakan yang memperincikan program dan aktiviti pengurusan sumber manusia bagi membangunkan modal insan yang berilmu, berkemahiran dan mengamalkan sikap serta perilaku yang positif. Bengkel semakan semula tersebut telah dihadiri oleh 15 orang terdiri di kalangan semua pegawai Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, KWP serta wakil setiap Bahagian lain. Bengkel tersebut telah membincangkan mengenai isu dan cabaran dalam pengurusan sumber manusia, teras strategik dan pelan tindakan.

1.9 Penyelarasan Aktiviti HRMIS

Sepanjang tahun 2014, aktiviti HRMIS yang dilaksanakan merangkumi Mesyuarat dan Program HRMIS anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Mesyuarat HRMIS anjuran KWP bersama agensi dan juga Latihan Berkaitan HRMIS Kepada Warga KWP Dan Pentadbir HRMIS. Selain itu, Unit HRMIS turut sama terlibat dengan Program Jelajah Seksyen Pengurusan Sumber Manusia dalam usaha memastikan Data Perjawatan, Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan yang Berintegriti dimurnikan.

1.10 Prestasi Perbelanjaan Latihan 2014

Jumlah Emolumen (RM)	Perbelanjaan Latihan (RM)	Peratus (%)
18,361,900.00	615,000.00	3.35%

Peruntukan Latihan (RM)		Perbelanjaan Latihan (RM)	Peratus (%)
Dalam Negara	615,000.00	585,264.00	91.2% (Penjimatan 8.8%)
Luar Negara	500,000.00	431,443.00	

1.11 Prestasi Kehadiran Kursus

Pengurusan Dan Profesional	Capai Tujuh (7) Hari Kursus	Tidak Capai Tujuh (7) Hari Kursus	104
	97	7	
Sokongan	Capai Tujuh (7) Hari Kursus	Tidak Capai Tujuh (7) Hari Kursus	186
	180	6	
Keseluruhan	Capai Tujuh (7) Hari Kursus	Tidak Capai Tujuh (7) Hari Kursus	290
	277	13	

1.12 Istiadat Menghadap dan Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan

Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan Wilayah Persekutuan (DKBPWP) diadakan sebagai salah satu acara utama Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2014. Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat kali ini mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang baru iaitu Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah dan istiadatnya berlangsung di Istana Negara, Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Penganugerahan DKBPWP mula diperkenalkan pada tahun 2008 bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan serta khidmat yang cemerlang untuk warga Wilayah Persekutuan.

Bagi DKBPWP 2014, Kementerian telah menerima pencalonan sebanyak 1,142 pencalonan daripada pelbagai kategori. Bilangan pencalonan pada tahun ini berkurangan sebanyak 15.2% berbanding tahun lepas sebanyak 1,316 pencalonan yang diterima.

Sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2014, seramai 320 orang telah menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan. Istiadat pengurniaan disempurnakan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah. Jumlah penerima mengikut Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan adalah seperti berikut:

- i) Seri Utama Mahkota Wilayah (S.U.M.W.) : **2 penerima**
- ii) Seri Mahkota Wilayah (S.M.W.) : **17 penerima**
- iii) Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W.) : **59 penerima**
- iv) Johan Mahkota Wilayah (J.M.W.) : **39 penerima**
- v) Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W.) : **55 penerima**
- vi) Ahli Mahkota Wilayah (A.M.W.) : **59 penerima**
- vii) Pingkat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W.) : **89 penerima**



Operasi Bersepadu Banteras Aktiviti Haram (BAH) Di Wilayah Persekutuan

Task Force BAH telah ditubuhkan pada 16 April 2014 yang bertujuan untuk membanteras aktiviti haram di Wilayah Persekutuan. Pelaksanaan aktiviti ini mengaplikasi pendekatan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) bersama Agensi Kerajaan yang lain. Antaranya DBKL, PPj, PL, MKN, PDRM, JIM, AADK, JAWI, JPAM, Suruhanjaya Tenaga, Jabatan Peguam Negara, RELA, SPAN, SKMM, TNB, SYABAS dan Telekom Malaysia manakala PEMADAM, PPIM, dan Majlis Belia Malaysia manakala UiTM pula sebagai pemerhati. Pengoperasian *Task Force* BAH ini memberi tumpuan kepada enam

(6) aspek utama iaitu Pusat Siber Judi Haram, Pusat Urut Salah Guna/Tanpa Lesen, Pusat Hiburan, Maksiat/Khalwat, PATI dan Penyalahgunaan Dadah.

Sehingga **22 Disember 2014**, (BAH) di **WP Kuala Lumpur** telah diadakan sebanyak tujuh (7) siri manakala di WP Putrajaya sebanyak satu (1) siri dan WP Labuan sebanyak tiga (3) siri. Serbuan telah dibuat ke atas 257 premis terdiri daripada 163 pusat judi, 91 rumah urut dan 3 pusat hiburan. Hasil tangkapan adalah seramai 428 orang yang terdiri daripada 211 orang PATI, 234 orang positif dadah, 9 pasangan khalwat, 8 orang tonto dan operasi turut dilakukan ke atas 10 orang penjaja tanpa lesen. Anggaran nilai rampasan berjumlah RM6.433 juta.



BAHAGIAN PEMBANGUNAN STRATEGIK

Bahagian ini bertanggungjawab untuk memacu jentera pembangunan (*engine of growth*) Wilayah Persekutuan (WP) melalui perancangan dan pelaksanaan pembangunan modal insan, infrastruktur dan memberi khidmat nasihat dan teknikal ke arah pembangunan WP yang maju dan sejahtera. Di samping itu, Bahagian ini juga turut bertanggungjawab untuk memperkemaskan pembangunan strategik serta meningkatkan sistem penyampaian dan pembangunan pangkalan data bagi memberi khidmat nasihat teknikal yang berkesan, tepat dan cepat ke arah memenuhi keperluan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP). Bahagian ini terdiri daripada dua (2) seksyen iaitu Seksyen Perkhidmatan Teknikal dan Seksyen Pembangunan Bandar.

PROGRAM TAHUN 2014

Peningkatan Kedudukan Bagi Indikator “*Dealing With Construction Permits*” melalui *Focus Group on Dealing With Construction Permits* (FGDCP)


KWP melalui Mesyuarat Penyelarasan Penambahbaikan Urusan Mendapatkan Permit Pembinaan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk Mempertingkatkan Kedudukan Malaysia dalam *Ease Of Doing Business Report* telah bersama-sama DBKL serta Malaysia Productivity Corporation (MPC) dalam urusan mendapatkan permit pembinaan sejak penubuhan

Kumpulan Fokus Penambahbaikan Pengurusan Permit Pembinaan [*Focus Group on Dealing With Construction Permits*-(FGDCP)] pada Disember 2011.

Ease of Doing Business Report 2015 telah dikeluarkan pada Oktober 2014. Secara keseluruhannya Malaysia telah berjaya meningkatkan kedudukannya iaitu naik sebanyak dua anak tangga iaitu dari 20 ke 18 daripada 189 buah negara yang mengambil bahagian di seluruh dunia. Berdasarkan laporan berkenaan, Malaysia mendahului beberapa ekonomi maju seperti Taiwan (19), Switzerland (20), Belanda (27) dan Jepun (29). Kedudukan baru berkenaan sekaligus meletakkan Malaysia di tempat pertama dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun di Asia Timur bagi aspek persekitaran menjalankan perniagaan. Di peringkat Asia pula, Malaysia berada di kedudukan ke empat (4) selepas Singapura, Hong Kong dan Korea Selatan.

Malaysia juga telah memperbaiki kedudukan bagi indikator “*Dealing With Construction Permits*” dengan peningkatan sebanyak 11 anak tangga iaitu dari 39 ke 28 daripada kedudukan sebelumnya. Usaha berterusan perlu dibuat bagi menjadikan sasaran Malaysia secara keseluruhan berada di kedudukan ke-10 negara terbaik di dunia. Peningkatan tersebut adalah hasil daripada penambahbaikan peranan Unit Pusat Setempat (*One Stop Centre-OSC*) di DBKL melalui *OSC 1Submission* yang telah dilaksanakan di DBKL mulai 1 Jun 2012.

Rajah 3.1: Kedudukan Malaysia bagi Indikator “*Dealing With Construction Permits*” mengikut tahun



Seminar Memperkasakan Inisiatif Teknologi Hijau di WP (10-11 Nov 2014)

Seminar Memperkasakan Inisiatif Teknologi Hijau di WP telah dilaksanakan secara kolaborasi antara KWP dan Agensi di bawah KWP dengan SIRIM Berhad dan Malaysian Green Technology Corporation (MGTC). Seminar tersebut telah dilaksanakan pada 10 hingga 11 November 2014 di Holiday Inn Kuala Lumpur, Glenmarie, Shah Alam, Selangor. Objektif seminar adalah seperti berikut :

- a. 'Engagement Session' dan kolaborasi bersama Jabatan dan Agensi serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat secara langsung dalam pembangunan dan pelaksanaan teknologi hijau di WP;
- b. Menyebarluaskan inisiatif teknologi hijau di WP;
- c. Mempelajari inisiatif terbaik (*best practices*) daripada Agensi Kerajaan, badan bukan Kerajaan dan swasta melalui pembentangan kertas, forum dan sesi soal jawab; dan
- d. Merancang dan menghasilkan pelan pelaksanaan inisiatif teknologi hijau di WP.

Peserta dibahagikan kepada tujuh (7) kumpulan mengikut kluster pelaksanaan inisiatif iaitu: i) Perancangan bandar dan bangunan; ii) Mengintegrasikan alam semula jadi dalam alam bina; iii) Penggunaan tenaga; iv) Penggunaan air; v) Pengangkutan dan mobiliti; vi) Pentadbiran dan pengurusan bandar; dan vii) Pengurusan sisa pepejal. Enam (6) kertas pembentangan telah dibentangkan semasa seminar tersebut.



Lawatan Turun Padang KSU ke Pusat Pengurusan Pengangkutan (ITIS), DBKL (5 Disember 2014)

Lawatan Turun Padang YBhg. Datuk Seri Ketua Setiausaha KWP ke Pusat Pengurusan Pengangkutan (ITIS), DBKL telah diadakan pada 5 Disember 2014 di Kuala Lumpur. Tujuan program tersebut adalah mengenal pasti perkembangan lanjut mengenai sistem dan operasi di ITIS, DBKL.



BAHAGIAN PEMBANGUNAN SOSIO EKONOMI

Bahagian ini bertanggungjawab untuk meningkatkan taraf hidup warga Wilayah Persekutuan melalui pembangunan sosial dan ekonomi merangkumi aspek perumahan, komuniti dan penyertaan bumiputera. Bahagian ini terdiri daripada dua (2) Seksyen iaitu Seksyen Sosial dan Keselamatan dan Seksyen Ekonomi Perumahan.

PROGRAM TAHUN 2014

Program Sosial Dan Keselamatan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan

Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) adalah satu entiti yang dianggotai oleh masyarakat setempat bagi mendukung dan memantau pelaksanaan program kemasyarakatan dan modal insan yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di samping dapat menangani isu-isu perbandaran dan penyampaian perkhidmatan secara berterusan di dalam kawasan pentadbiran Wilayah Persekutuan.

Selaras dengan penyusunan semula fungsi KWP selepas Pilihan Raya Umum ke-13, nama Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar (MPKB) telah ditukar kepada Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan

(MPPWP). MPPWP dilancarkan pada 19 April 2014 dan disempurnakan oleh YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan. Sehingga 31 Disember 2014, keahlian MPPWP adalah seramai 1,150 orang yang mewakili 12 Zon dan 68 Sub Zon di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

MPPWP ini juga turut berperanan dalam menentukan keperluan penduduk setempat dalam pembangunan, kesejahteraan dan kelangsungan kehidupan di bandar. MPPWP peringkat Zon dan Sub Zon menerima peruntukan dalam bentuk geran dan dipantau oleh KWP. Geran peruntukan kewangan yang diterima adalah **geran pengurusan** untuk melancarkan kerja-kerja pentadbiran dan **geran aktiviti** yang bertujuan menjayakan program yang dirancang.

Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 83 program telah diadakan di mana ia melibatkan pelbagai lapisan masyarakat bandar yang berbeza kaum dan kedudukan sosio ekonomi. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah Program Gotong-Royong; Perlawanan Pertunjukan Sukan Muay Thai; Hari Organik CETDEM; Program Turun Padang Aduan Masalah; dan Sesi *Townhall*



Program turun padang aduan masalah di Bandar Tun Razak



Hari Organik Cetdem di Pusat Komuniti Bukit Bandaraya, Bangsar



Program gotong royong bersepadu 2014 di Jalan Meranti dan Jalan Kenanga, Kuala Lumpur

Program Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kebersihan Kawasan Perumahan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2014

Penilaian KPI Kebersihan Kawasan Perumahan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan satu program yang dirancang bagi tujuan meningkatkan penghayatan serta amalan gaya hidup bersih di kalangan warga di kawasan perumahan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ia juga bermatlamat supaya usaha pembudayaan kebersihan di setiap kawasan perumahan DBKL dapat dilaksanakan dengan lebih realistik dan sistematik kerana ia memberi kesan jangka panjang dari segi kebersihan persekitaran, seni taman, keindahan dan kreativiti sekaligus menjadi asas kepada satu standard kebersihan untuk diikuti sepanjang masa.

Majlis penyampaian anugerah Program Penilaian KPI Kebersihan Kawasan Perumahan Berbilang Tingkat Kos Rendah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2013 telah diadakan pada 27 Mac 2014 di Dewan Perdana, Kompleks Keramat Mall, Jalan Datuk Keramat, Kuala Lumpur. KWP telah mengiktiraf sejumlah 23 kawasan perumahan sebagai telah berjaya memenuhi kriteria KPI kebersihan untuk tahun 2013. Lima (5) daripada 23 buah kawasan perumahan tersebut dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Khas manakala satu daripadanya telah dipilih selaku juara keseluruhan.

Program Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kebersihan Kawasan Perumahan Wilayah Persekutuan Labuan 2014

Penilaian KPI Kebersihan di Wilayah Persekutuan Labuan telah dilaksanakan pada 24 September 2014 hingga 7 Oktober 2014 melibatkan 20 kawasan perumahan yang terdiri daripada perumahan awam, swasta dan kampung air. Seramai 10 orang panel penilai telah dilantik yang terdiri daripada pelbagai Jabatan dan Agensi bagi membantu dalam proses penilaian ke kawasan-kawasan perumahan yang terlibat.

Sebanyak sembilan (9) anugerah telah dipertandingkan seperti Anugerah Terbaik Keseluruhan, Anugerah Terbaik Perumahan Awam, Anugerah Terbaik Perumahan Swasta, Anugerah Terbaik Perumahan Kampung Air, Anugerah Khas Harapan, Anugerah Khas Bersih, Anugerah Khas Indah dan Anugerah Khas Sejahtera. Anugerah-anugerah ini diwujudkan bagi memberi motivasi kepada para penduduk dalam mencapai objektif sebenar penganjuran program ini. Sambutan yang menggalakkan daripada penduduk Labuan menunjukkan bahawa program ini memberi manfaat dalam membentuk peribadi dan persekitaranyang lebih bersih ke arah kehidupan yang lebih sejahtera.



Jalan/platform perhubungan di atas air

Kursus Pengasuh TASKA/TADIK A Pengasuh

KWP dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Persatuan Pengusaha TASKA/TADIK A dan Pengasuh di Rumah (PUSPAJAYA) telah mengadakan Kursus Pengasuh TASKA/TADIK A dan Pengasuh di rumah sebanyak empat (4) sesi pada tahun 2014. Ini adalah selaras dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan asas dalam aspek pengasuhan bayi dan kanak-kanak.

Objektif kursus ini adalah untuk memberi kefahaman mengenai kaedah terbaik bagi menangani tekanan di tempat kerja melalui kemahiran komunikasi yang berkesan serta etika penampilan diri; meningkatkan kesedaran dan kebertanggungjawaban pengasuh terhadap anak-anak asuhan mereka dengan slogan *"Mother-dubbed: shaping the future generations"*; memaklumkan mengenai garis panduan pengasuhan bayi/kanak-kanak di TASKA/TADIK A/rumah kepada majikan (pemilik TASKA/TADIK A) serta pengasuh terutamanya pengasuh di rumah; mendedah dan memberikan maklumat pengetahuan mengenai teknik penyusuan bayi dan pemakanan sihat untuk kanak-kanak, penjagaan kebersihan, serta teknik asas pertolongan cemas dan CPR; dan menjelaskan kepada pengasuh-pengasuh mengenai tanggungjawab pihak berkuasa dalam kes kecederaan dan kematian bayi serta kanak-kanak.




Kursus Pengasuh TASKA/TADIK A dan Pengasuh di Rumah di Putrajaya

Program Turun Padang (TUPA) Pembinaan Perpustakaan 1Malaysia

Program Turun Padang ini telah dilakukan pada 31 Oktober 2014 bagi melihat perkembangan pembinaan Perpustakaan 1Malaysia yang dibina di Lembah Pantai. Perpustakaan ini merupakan sumbangan dari MRCB di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka di mana Perpustakaan 1Malaysia di Lembah Pantai merupakan satu dari tiga (3) perpustakaan yang akan dibina.

Perpustakaan 1Malaysia ini akan diuruskan sepenuhnya oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). YBhg. Datuk Seri Adnan bin Hj Md Ikshan, KSU KWP bersama-sama pengurusan KWP telah meninjau perkembangan projek ini. Perpustakaan ini dijangkakan akan diserahkan sepenuhnya kepada DBKL pada 15 Januari 2015.



Program Turun Padang (TUPA) Pembinaan Perpustakaan 1Malaysia

Program Pembangunan Penaja dan Peniaga Kecil

i. Mesyuarat Majlis Pembangunan Penaja Dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan

Majlis Pembangunan Penaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan (MPPPKWP) telah dibentuk sebagai medium perantara dan jentera penyelarasan yang akan menghubungkan KWP dan agensi-agensi di bawahnya secara terus dengan persatuan-persatuan yang mewakili penaja dan peniaga supaya kepentingan dan kebajikan mereka diambil perhatian. Mesyuarat MPPPKWP Peringkat Pusat telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali iaitu Mesyuarat Bil. 1/2014 telah diadakan di Kementerian pada 29 Mei 2014 dan pada 8 November 2014 di Perbadanan Labuan.



Mesyuarat MPPPKWP Peringkat Pusat

ii. Program Kemeriahan Pusat dan Premis Penjaja di Wilayah Persekutuan

a) Fiesta “Jom Gegar” Keramat Mall

Program ini menggabungkan dua (2) aktiviti utama iaitu mini karnival penjaja yang berkonsepkan aktiviti jualan dan promosi di kalangan penjaja, peniaga kecil dan badan-badan yang berkaitan keusahawanan serta aktiviti pembangunan latihan modal insan yang berbentuk seminar. “Fiesta Jom Gegar” berlangsung pada 24 Januari hingga 26 Januari 2014, manakala “Seminar Transformasi Minda Penjaja Dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan” berlangsung pada 27 Januari 2014.



b) Fiesta “Jom Gegar” Pusat Komersial Komuniti Bandar Tun Razak

Aktiviti kemeriahan bagi Pusat Komersial Komuniti Bandar Tun Razak telah diadakan pada 20-22 Jun 2014. Selain daripada mini karnival, terdapat program-program menarik sebagai agenda utama pengisian seperti Program Perkongsian Ilmiah.

c) Program Kemeriahan Pasar Awam Baharu Labuan

Pasar awam baharu Labuan telah dibina pada 16 Ogos 2010 di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dengan kos projek sebanyak RM34.022 juta. Pasar awam ini mengandungi 540 ruang niaga yang merangkumi 378 meja pasar basah, 150 pusat gerai penjaja dan 12 buah gerai makan.

Program Kemeriahan pasar awam baharu WP Labuan yang telah dilaksanakan pada 8-10 November 2014 yang melibatkan penjaja dan peniaga kecil WP Kuala Lumpur dan Putrajaya serta Kementerian/Jabatan/agensi seperti DBKL, PPj, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Antara aktiviti yang telah dijalankan sepanjang program adalah Pertandingan Premis Niaga dan Meja Pasar “Bersih dan Mesra Pelanggan, Pertandingan *Explorace* Sekitar Pasar Awam Baru WP Labuan, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak, Demo Masakan oleh Chef Syura, Pertandingan Memasak serta Seminar Keusahawanan “Tranformasi Minda”.



Sekitar program dan aktiviti yang diadakan sepanjang program Kemeriahan pasar awam baharu Labuan pada 8-10 November 2014



iii. Program *Walkabout* Pengurusan Kementerian Wilayah Persekutuan

Bahagian ini turut mengadakan sesi lawatan *Walkabout* pengurusan tertinggi Kementerian yang melibatkan Ketua Setiausaha dan Timbalan Ketua Setiausaha ke premis-premis penaja dan peniaga kecil di Wilayah Persekutuan. Antara sesi *walkabout* tersebut yang dilaksanakan adalah:

- Walkabout* KSU di Pusat Penaja Desa Tun Razak dan Pusat Penaja Jalan Rotan pada 16 Mei 2014.
- Walkabout* KSU di Medan Selera Damai, Jalan Batu Bata pada 30 Mei 2014.
- Walkabout* TKSU di Pusat Penaja Keramat Mall dan Pusat Komersial Komuniti Bandar Tun Razak pada 2 Oktober 2014.



Antara premis yang dilawati semasa sesi Walkabout pengurusan KWP



iv. Program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera

Untuk memastikan penyertaan dan kepentingan Bumiputera dalam bidang ekonomi dilaksanakan selaras dengan agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB). Ini adalah untuk menentukan penyertaan Bumiputera yang seimbang dan mampan dalam ekonomi negara. Antara program UPEB yang telah dilaksanakan adalah terapi SPA dan rawatan selepas bersalin, bakeri, jahitan pakaian wanita, kursus lanjutan jahitan dan lain-lain.

Kursus SKM 3 Spa/Kecantikan



Kursus Jahitan Pakaian Wanita



Kursus SKM 2 Bakeri

iv. Program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)

Program dan status terkini sehingga Disember 2014 adalah seperti berikut:

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Bil.	Projek Di WP Kuala Lumpur	Dalam Pembinaan/ Lulus DO (Unit)
1	Alam Damai, Mukim Petaling	2,074
2	The Parc Tower, Setapak Jaya Baru, Mukim Setapak	161
3	Residensi Pandanmas 2, Mukim Ampang	1,920
4	Residensi Pandanmas, Mukim Ampang	700
5	Taman Naga Emas, Mukim Petaling	512
6	Jalan Pantai Dalam, Daerah Kuala Lumpur	280
7	Kg. Kerinchi Pantai Dalam, WP Kuala Lumpur	423
8	Fasa 5, Desa Tasik, Mukim Petaling	290
9	Pembangunan Perumahan Razak Mansion, Jalan Sg. Besi	658
10	Jalan Gombak, Mukim Setapak	550
11	Mukim Petaling, Daerah Kuala Lumpur	148
12	Taman Wahyu, Mukim Batu	368
13	Off Jalan Puchong, Mukim Petaling	106
14	Taman Teratai Mewah, Mukim Setapak	134
15	Jalan Semerah Padi, Cheras	400
16	Plot 5, Bukit Jalil	1,536
Jumlah		10,260

Wilayah Persekutuan Labuan


Bil.	Projek Di WP Labuan	Dalam Pembinaan/ Lulus DO (Unit)
1	Kg. Ganggarak, WP Labuan	1,560
2	Kampung Tanjung Aru, WP Labuan	132
3	Kg. Ganggarak, WP Labuan	77
4	Jalan Tun Mustapha, WP Labuan	427
Jumlah Keseluruhan		2,196

Wilayah Persekutuan Putrajaya


Bil.	Projek Di WP Putrajaya (PPA1M)	Dalam Pembinaan/ Lulus DO (Unit)
1	Larai, Presint 6	1,680
2	Pudina, Presint 17	1,500
3	Selasih, Presint 17	1,000
4	Jintan, Presint 16	517
5	Palma, Presint 11	263
6	Melinjau, Presint 11	650
Jumlah Keseluruhan		5,610

Pencapaian RUMAWIP dan PPA1M Sehingga 30 November 2014

**SASARAN
5 TAHUN** > **80,000
UNIT**




CAPAI **18,066
UNIT (22%)**



Pencapaian RUMAWIP dan PPA1M Sehingga 30 November 2014

SASARAN 2015
17,000 UNIT

SASARAN 2014
15,000 UNIT





Pembangunan Projek Little India,
Brickfields, Kuala Lumpur



Pembangunan Semula Rumah Pangsa Razak
Mansion, Jalan Sungai Besi, Salak Selatan



Pembangunan Semula di atas tapak Pangsapuri dan Rumah Kos Rendah Sri Johor, Sri Pulau Pinang, Sri Melaka dan Taman Ikan Emas di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Bahagian ini bertanggungjawab dalam urusan perancangan dan pengurusan ICT, pembangunan aplikasi dan pengurusan laman web, penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur ICT serta keselamatan ICT di KWP. Bagi melaksanakan peranan serta

tanggungjawab ini, BPM dibahagikan kepada tiga (3) Seksyen iaitu Seksyen Pembangunan Aplikasi Dan Laman Web, Seksyen Infrastruktur Dan Keselamatan ICT dan Seksyen Perancangan Dan Pengurusan ICT.

PROGRAM TAHUN 2014

Pelancaran 1WPrice



1WPrice merupakan aplikasi mudah alih menggunakan telefon pintar yang membolehkan pengguna mendapatkan maklumat lokasi kedai yang menawarkan harga barangan dan perkhidmatan berpatutan. Pembangunan Aplikasi 1WPrice adalah dengan tujuan untuk menyediakan kemudahan secara percuma kepada warga Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur, WP Putrajaya dan WP Labuan untuk berkongsi maklumat dan membuat perbandingan harga. Dengan adanya kemudahan ini, warga WP boleh memperoleh barangan dan perkhidmatan dengan harga yang berpatutan. 1WPrice telah dilancarkan oleh YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan pada 9 Disember 2014 di Pekarangan SOGO, Kuala Lumpur.



Majlis Pelancaran 1WPrice



Pensijilan MS-ISO/IEC 27001:2007 - Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)

KWP telah menghadapi Audit Pematuhan tahun kedua pada 28-29 Ogos 2014 dan berjaya memperoleh Pensijilan Pematuhan Tahun Dua (2) bagi pensijilan MSISO/IEC 27001:2007 - Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan skop pensijilan "PENGURUSAN SISTEM KESELAMATAN MAKLUMAT UNTUK PENGOPERASIAN PUSAT DATA BAGI PORTAL KWP".

Selaras dengan perubahan standard ISMS kepada ISO/IEC 27001:2013 yang telah diadaptasi oleh Jabatan Standard Malaysia, BPM telah mengadakan Bengkel Pemahaman Standard Baru ISMS pada 18 November 2014 di Marina, Putrajaya. Tujuan bengkel adalah untuk memberi kesedaran dan pemahaman ke atas standard baru ISMS kepada pegawai-pegawai KWP dan Agensi di samping persediaan awal supaya ISO/IEC 27001:2013 ISMS dapat dilaksanakan di KWP dan agensi dengan berkesan.



Bengkel Pemahaman Standard Baru ISMS



Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KWP

Mesyyarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KWP telah diadakan sebanyak empat (4) kali pada 14 Februari 2014, 27 Mei 2014, 07 Oktober 2014 dan 18 Disember 2014. Sebanyak 14 cadangan perolehan projek ICT telah diluluskan oleh Mesyyarat JPICT KWP sepanjang tahun 2014.

Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) KWP

Pada tahun 2014 Mesyyarat JTICT KWP telah diadakan sebanyak enam (6) kali pada 10 Februari, 10 April, 19 Mei, 10 Julai, 28 Ogos dan 26 November 2014. Sebanyak 19 cadangan perolehan projek ICT telah diluluskan oleh Mesyyarat JTICT KWP sepanjang tahun 2014.

Program Penambahbaikan Dasar Keselamatan ICT KWP



Bagi memperkukuhkan lagi prosedur keselamatan ICT di KWP, Dasar Keselamatan ICT (DKICT) KWP sedia ada iaitu DKICT versi 4.1 telah ditambahbaik pada tahun 2014. Penambahbaikan ini bagi memastikan ia selari dengan perubahan teknologi, perundangan dan kepentingan sosial semasa. DKICT KWP yang baharu iaitu DKICT KWP versi 4.2 telah dibentangkan dan

diluluskan dalam Mesyyarat Jawatankuasa Pemandu ICT KWP Bilangan 2 pada 27 Mei 2014.

Perolehan ICT

Bahagian ini bertanggungjawab dalam menyediakan prasarana infrastruktur dan kemudahan ICT. Pada tahun 2014, bahagian telah melaksanakan lapan (8)

perolehan ICT. Ini bagi memastikan supaya semua pengguna Kementerian mendapat kemudahan ICT demi kelangsungan penyampaian perkhidmatan yang efektif dan efisien melalui penggunaan ICT. Perolehan ICT pada tahun 2014 adalah seperti di Jadual 1:

Jadual 1 : Perolehan ICT 2014

Bil.	Perkara
1	Sebutharga Pembaharuan Lesen <i>Windows Server & CAL</i>
2	Sebutharga Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Sokongan Teknikal Perkakasan serta Infrastruktur Rangkaian Setempat (LAN) KWP untuk 2 Tahun
3	Sebutharga Membekal, Memasang, Menghantar, Mengkonfigurasi, Menguji dan Mentauliah Sistem <i>Video Conferencing</i> KWP
4	Sebutharga Perkhidmatan Pembaharuan dan Perolehan Baru Lesen Perisian ICT untuk KWP
5	Sebutharga B - <i>IPv6 Readiness Assessment</i>
6	Sebutharga Perolehan Peralatan/Bekalan ICT
7	Sebutharga Penyelenggaraan Pusat Data (2 tahun)
8	Sebutharga Pembangunan Aplikasi Mudah Alih <i>1WPrice</i>

Pelaksanaan Perkhidmatan *Government Unified Communication (1GovUC)*

Selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk mengkonsolidasikan infrastruktur ICT bagi mengoptimumkan penggunaan sumber dan penjimatan kos, perkhidmatan sistem emel 1GovUC telah mula digunakan di KWP pada 2 Jun 2014.



Dengan pelaksanaan 1GovUC di KWP, secara tidak langsung dapat menyumbang peningkatan keberkesanan pentadbiran awam melalui perkhidmatan komunikasi dan kolaborasi secara bersepadu.

PENCAPAIAN TAHUN 2014

Portal KWP Bertaraf 5 Bintang

Portal KWP telah mendapat pengiktirafan 5 Bintang hasil Penilaian Laman Web/Portal Kerajaan Malaysia Bagi Tahun 2014. Selain itu KWP turut menerima Anugerah Khas sebagai Agensi Induk Terbaik. Pada tahun 2014 penilaian portal/laman web agensi Kerajaan dilaksanakan oleh Agensi masing-masing secara sendiri (*self-assessment*). KWP dan Agensi telah melaksanakan penilaian sendiri sebanyak tiga (3) kali dalam sebulan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Multimedia Development Corporation (MDEC). Melalui penilaian sendiri ini juga KWP selaku agensi induk dibolehkan untuk memantau pemarkahan dan *rating* Portal DBKL, PPj, PL, MSWP dan PKB.

Bengkel Pemantapan Portal/Laman Web KWP dan Agensi telah diadakan pada 6-8 November 2014 di KSL Johor Bahru yang dihadiri pegawai-pegawai KWP, DBKL, PPj, PL, PKB dan MSWP. Tujuan bengkel adalah untuk perkongsian dan bantuan kepakaran teknikal antara agensi terutamanya bagi membantu agensi yang masih belum memperoleh status lima (5) bintang.



*Bengkel
Pemahaman
Standard Baru
ISMS*

Juara KIK Peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan

BPM melalui kumpulan KIK Subarashi.V2 telah menjuarai pertandingan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) sempena Mini Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat KWP pada 14 April 2014. Kumpulan Subarashi.V2 telah berjaya menyelesaikan masalah “Kekerapan *Reset Password* Pengguna-Pengguna Sistem KWP”.



*Kumpulan KIK Subarashi.V2, Bahagian Pengurusan
Maklumat, KWP*



BAHAGIAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN

Bahagian ini bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras serta menyemak penyediaan cadangan permohonan program/projek Rancangan Malaysia bagi Kementerian dan Agensi di bawahnya. Di samping itu, Bahagian ini turut berperanan untuk memantau serta menilai projek-projek kecil KWP.

PROGRAM TAHUN 2014

Prestasi Pelaksanaan Pembangunan KWP Di Bawah RMK-10 *Rolling Plan* Keempat (RP-4) Tahun 2014

KWP telah menerima peruntukan sebanyak RM878.5 juta peruntukan bagi pelaksanaan 27 program dan projek di bawah *Fourth Rolling Plan* RMK-10 tahun 2014. Peruntukan juga disalurkan kepada agensi-agensi

di bawah KWP seperti DBKL, PPj, PL dan PPKB bagi projek-projek yang melibatkan pembinaan infrastruktur jalan, pusat penjaja, gerai makan, pembangunan taman rekreasi dan botani, tempat letak kereta, dewan masyarakat, pembinaan pasar dan menaiktaraf stadium. Peruntukan ini juga disalurkan kepada projek di bawah *National Key Economic Area* (NKEA) di bawah *Greater KL/KV* seperti *River of Life* (ROL), *Sewerage Non-River*, *Pedestrian Walkways*, *Greener KL*, *Iconic Places*, *Solid Waste Management* dan *Talent Attraction*.

Kesemua program dan projek yang dilaksanakan di bawah *Fourth Rolling Plan* RMK-10 Tahun 2014 merupakan projek yang berimpak tinggi dan memberi kesan secara langsung terhadap kesejahteraan hidup warga Wilayah Persekutuan. Sehingga 28 Disember 2014, KWP telah membelanjakan sebanyak RM878.5 juta iaitu 100.0% daripada jumlah perbelanjaan keseluruhan.

Pusat Penjaja Di Pt 80, Jalan Masjid India, Kuala Lumpur



Pembangunan Taman Botani Tasik Perdana, Kuala Lumpur





Program Pembangunan Semula Kampung Bharu



Naiktaraf Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur



NKEA Greater KL/KV : (Epp8) Pedestrian Walkways

Program Turun Padang (TUPA)

Pentadbiran awam di bawah YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak amat mementingkan konsep *engagement* bersama rakyat dan pihak berkepentingan dalam pelaksanaan sesuatu program dan projek supaya pelaksanaannya menepati objektif serta mencapai *outcome* yang telah disasarkan.

Justeru, Lawatan Turun Padang (TUPA) YB Menteri WP dan KSU telah dilaksana berdasarkan arahan YAB Perdana Menteri melalui Mesyuarat JKTN Bil. 2/2009. Susulan daripada arahan tersebut, YB Menteri WP perlu menjalankan aktiviti lawatan TUPA sekurang-kurangnya satu (1) lawatan manakala KSU pula sebanyak tiga (3) lawatan setiap bulan bagi memastikan pelaksanaan projek pembangunan berjalan lancar dan mendengar denyut nadi rakyat. Sehubungan dengan itu, sepanjang tahun 2014, sebanyak 56 lawatan telah berjaya dilaksanakan oleh YB Menteri WP manakala KSU pula melaksanakan sebanyak 138 lawatan.

Lawatan Ke Projek Pasar Jalan Raja Bot, Kg Bharu



Lawatan Ke Pasar Baru Labuan Bersama KP ICU, JPM



Lawatan Ke Taman Botani



Lawatan Ke Projek Pembinaan Surau Di PPR Beringin





Lawatan YB Menteri Ke Pasar Baharu Labuan

Lawatan Tapak YB Menteri Bersama Media Ke Projek NKEA Greater KL/KV : (Epp5) River Of Life



Mesyuarat Majlis Tindakan Wilayah Persekutuan (MTWP) Dan Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK)

Kedua-dua MTWP dan JTPK diadakan selaras dengan Arahan No.1, 2010 Majlis Tindakan Negara yang bertujuan untuk mengawasi, memantau dan menilai pelaksanaan program dan projek pembangunan KWP di Wilayah Persekutuan. MTWP dipengerusikan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan telah diadakan sebanyak satu (1) kali bagi tahun 2014. Manakala JTPK pula

dipengerusikan oleh YBhg. KSU KWP. Pada tahun 2014, KWP telah berjaya melaksanakan JTPK sebanyak 12 kali.

Bagi membolehkan ahli mesyuarat melihat lebih dekat projek yang dibincangkan di dalam JTPK, pada bulan September 2014 mesyuarat tersebut (JTPK Bil. 9/2014) telah diadakan di WP Labuan yang turut dihadiri oleh Agensi Pusat seperti Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM), Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM), Pejabat Pembangunan Negeri Wilayah Persekutuan (PPNWP) serta Agensi-agensi KWP.



Bengkel Penilaian *Outcome*

Pada tahun 2014, KWP juga telah menganjurkan Bengkel Penilaian *Outcome* Untuk Projek-Projek Rancangan Malaysia Lima Tahun Bagi Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) Bersama Agensi di Resort World Genting Awana, Pahang pada 23 hingga 25 Mei 2014. Bengkel telah disertai 42 orang peserta terdiri daripada pegawai-pegawai KWP, DBKL, PPJ Dan PL. Semua peserta telah diberikan taklimat dan bimbingan oleh Pengarah Bahagian Penilaian *Outcome*, ICU, JPM. Objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk memberikan kefahaman serta membantu Bahagian/ Agensi di bawah KWP dalam melaksanakan penilaian *outcome* dan impak bagi program/projek pembangunan yang telah dilaksanakan di bawah RMK-9 dan RMK-10 secara khususnya.

Antara projek-projek yang telah disediakan dan dibentangkan laporan penilaian *outcome* sempena bengkel tersebut adalah seperti **Projek Pembinaan Pusat Penjaja Bandar Sri Permaisuri, Bandar Tun Razak; Projek Jalan Segambut Dari Jambatan KTM Hingga Ke Jalan Mont Kiara, KL Seksyen A – Dari Bawah Jalan Kuching sehingga ke Persimpangan SPPK Segambut, KL; Projek Pembinaan Dewan Serbaguna Di Perumahan Rakyat Bersepadu, KL; Labuan Halal Hub; Projek Penempatan Semula Setinggan Labuan; Projek Penambahbaikan Kawasan Sekitar Hentian Puduraya Kuala Lumpur (Jejantas Menghubungkan Hentian Puduraya Ke Maybank); Projek Pembinaan Surau Di Perumahan Rakyat Bersepadu, KL; Projek Kompleks Unit Berkuda Putrajaya; dan Projek Sistem Pengurusan Bandar Raya (CCTV Putrajaya).** Kementerian juga telah melaksanakan pembentangan sebanyak lima (5) projek daripada DBKL dan PL sempena Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian *Outcome* Bersama ICU, JPM pada 18 Jun 2014.



Lab Pengurusan Nilai 2014

Dalam usaha menginstitusikan pengurusan nilai, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE,JPM) telah mengeluarkan Pekeliling UPE Bilangan 3 Tahun 2009 dengan hasrat supaya Pengurusan Nilai dijadikan elemen penting di dalam pelaksanaan projek-projek Kerajaan. Bengkel Pengurusan Nilai dan Pemantapan Pengurusan bertujuan mengenal pasti, menyediakan pilihan dan mengeluarkan komponen dan kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem dan projek tanpa menjejaskan objektif dan fungsi yang ditetapkan. Pengurusan Nilai adalah pendekatan pelbagai disiplin yang sistematik dan inovatif yang mengkaji keperluan fungsi sesuatu reka bentuk, produk, perkhidmatan, projek, fasiliti dan sistem bagi mencapai nilai yang lebih baik dan kos yang optimum tanpa menjejaskan tahap prestasi dan projek. Projek ini melibatkan *stakeholder* dan pakar yang berkaitan dengan projek dengan memberi tumpuan kepada fungsi, kos dan kualiti.

Sehubungan dengan itu, bagi tahun 2014 KWP telah berjaya menganjurkan empat (4) Bengkel Pengurusan Nilai dan Pemantapan Pengurusan Projek Pembangunan bagi Projek NKEA *Greater KL/KV: River Of Life* pada 6 hingga 9 Mei 2014 (Nilai Spring Resort, Negeri Sembilan), 1 hingga 4 Julai 2014 (Dewan Serbaguna Kementerian Wilayah Persekutuan, 2 hingga 5 September 2014 (Ramada Plaza, Melaka) dan 21 hingga 23 Oktober 2014 (Grand River View, Kelantan).

Bengkel tersebut telah berjaya memperincikan dengan lebih sistematik aspek perancangan dan pelaksanaan projek berkenaan dalam usaha untuk memastikan penggunaan 'wang rakyat' dapat memberi pulangan yang maksimum kepada Kerajaan (*value for money*). Di samping itu, kos pelaksanaan projek bukan sahaja dapat dijimatkan, tetapi pada masa yang sama, ianya turut memberi penekanan kepada aspek kualiti dan keberhasilan projek agar ia dapat diterima oleh *stakeholder* dan seterusnya dinikmati warga kota. Hasil dari bengkel yang telah diadakan telah mencapai 10% penjimatan daripada kos projek dan kos anggaran perunding. Pecahan penjimatan adalah seperti Jadual 1 :



Jadual 1 : Pecahan Penjimatan Mengikut Projek

Bil.	Nama Projek	Tarikh Lab	Anggaran Projek (RM)	Anggaran Perunding (RM)	Kos Selepas Lab (RM)
1	Projek NKEA Greater KL/KV: River Of Life – River Beautification Fasa 2 Buah Pond & One Malaysia Park	6 – 9 Mei 2014	88,593,667.00	85,447,837.00	75,096,642.00
2	Projek NKEA Greater KL/KV: River Of Life – River Beautification Fasa 3 : Package 1C Precinct 7 Stage 2 & 1D Masjid India	1 – 4 Julai 2014	149,927,744.00	202,807,188.00	133,207,567.00
3	Projek NKEA Greater KL/KV: River Of Life – River Beautification Fasa 2 : Pakej 1G, 3A dan 3B Northern Riverfront	2 – 5 September 2014	197,632,026.00	274,834,501.00	167,066,023.00
4	Projek NKEA Greater KL/KV: River Of Life – River Beautification Fasa 2 : Pakej 4A : Riverfront Precinct 8, 9 & 11	21- 23 Oktober 2014	136,297,949	107,356,600.00	95,931,300

Projek Kecil Tahun 2014

Pengagihan peruntukan projek kecil di Wilayah Persekutuan dilaksana berdasarkan permohonan dan keperluan penduduk setempat melalui pemimpin-pemimpin tempatan, persatuan penduduk dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar, Jawatankuasa masjid dan surau, Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan sebagainya. Pelaksanaan projek-projek kecil di Wilayah Persekutuan antaranya melibatkan kerja-kerja menaik taraf kemudahan awam seperti surau, dewan orang ramai, pusat-pusat aktiviti persatuan dan NGO, kerja-kerja menaik taraf jalan berskala kecil dan lain-lain kemudahan asas/awam di Wilayah Persekutuan.

Pelaksanaan projek-projek kecil ini adalah bersifat *touch point* dan *quick win* iaitu merangkumi penyediaan dan penambahbaikan kemudahan asas/awam untuk kesejahteraan masyarakat di Wilayah Persekutuan dalam tempoh masa yang singkat dan memberi perubahan yang ketara bagi memenuhi kehendak masyarakat setempat. Permohonan yang diterima akan diteliti dan dikaji mengikut kesesuaian keperluan dan peruntukan sedia ada. Bagi tahun 2014, sebanyak RM3,700,000.00

telah diperuntukan bagi pelaksanaan projek-projek kecil yang melibatkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Agihan peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek kecil adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2 : Agihan Peruntukan Bagi Pelaksanaan Projek-Projek Kecil Wilayah Persekutuan

WILAYAH PERSEKUTUAN	PERUNTUKAN (RM)
Kuala Lumpur	1,700,000.00
Putrajaya	1,000,000.00
Labuan	1,000,000.00
Jumlah	3,700,000.00

Projek-projek kecil di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan dilaksanakan sendiri oleh pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL) dengan menggunakan peruntukan yang telah disalurkan oleh KWP setiap tahun. Manakala, projek-projek kecil di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dilaksanakan oleh KWP. Bagi pelaksanaan projek-projek

kecil di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 2014, sebanyak 224 permohonan projek-projek kecil telah diterima. Daripada jumlah tersebut, 61 projek telah diluluskan dan dilaksanakan oleh KWP. Pelaksanaan projek-projek kecil Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tahun 2014 adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3 : Pelaksanaan Projek-Projek Kecil Tahun 2013 Mengikut Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Parlimen	Permohonan	Projek Diluluskan	Peruntukan (RM)
Lembah Pantai	30	12	242,099.20
Segambut	18	5	103,735.50
Cheras	15	3	49,309.08
Kepong	1	1	11,335.50
Bandar Tun Razak	54	8	223,476.19
Batu	38	8	223,476.19
Titivangsa	11	3	242,099.20
Wangsa Maju	8	8	223,476.19
Seputeh	24	4	88,893.75
Setiawangsa	13	9	242,099.20
Bukit Bintang	12	-	50,000.00
JUMLAH	224	61	1,700,000.00

Penyelarasan dan Pemantauan Perbelanjaan Peruntukan Khas Wilayah Persekutuan (PKWP)

Peruntukan Khas Wilayah Persekutuan ini digunakan bagi perkara-perkara yang selaras dengan Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 - Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2009 [P.U. (A) 222/2009]. KWP bertanggungjawab untuk menguruskan kemajuan dan pembangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,

Putrajaya dan Labuan. Justeru, peruntukan ini digunakan untuk pelbagai aktiviti dari aspek pembangunan ekonomi dan peningkatan kemudahan infrastruktur, pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan, sumbangan dan bantuan kepada masyarakat di Wilayah Persekutuan. Bagi tahun 2014, KWP telah menerima peruntukan sebanyak **RM28,142,400.00** dan diagihkan kepada ketiga-tiga agensi termasuk peruntukan di bawah seliaan KWP seperti di Jadual 4.

Jadual 4 : Agihan Peruntukan Khas Wilayah Persekutuan Tahun 2014

Butiran	Perkara	Peruntukan (RM)
A	Program Pembangunan Komuniti Wilayah Persekutuan	5,800,000.00
A1	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	3,000,000.00
A2	Wilayah Persekutuan Labuan	800,000.00
A3	Wilayah Persekutuan Putrajaya	1,500,000.00
A4	Kampong Bharu	500,000.00
B	Program Kesejahteraan Wilayah Persekutuan	11,842,400.00
B1	Pembangunan Komuniti	2,100,000.00
B2	Perancangan Pembangunan	4,907,400.00
B3	Pembangunan Insan dan Kebajikan Komuniti	1,135,000.00
B4	Projek-Projek <i>Quick Win</i> dan <i>Touch Point</i>	3,700,000.00
C	Program Pengurusan Perbandaran	10,500,000.00
C1	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	5,000,000.00
C2	Perbadanan Labuan	2,500,000.00
C3	Perbadanan Putrajaya	2,500,000.00
C4	Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu	500,000.00
	JUMLAH	28,142,400.00

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Bahagian Komunikasi Korporat diwujudkan selaras dengan hasrat Kerajaan bagi memantapkan sistem penyampaian khususnya berkaitan dasar serta program, secara lebih efektif dan berkesan. Bahagian ini terdiri daripada dua (2) Seksyen iaitu Seksyen Promosi dan Majlis Rasmi dan Seksyen Pengurusan Media dan Khidmat Pelanggan.

PENCAPAIAN TAHUN 2014

Pengurusan Promosi

Seiring dengan usaha untuk melestarikan pembangunan imej Kementerian di mata masyarakat dan kumpulan sasar, Unit Promosi bertanggungjawab bagi merancang dan melaksanakan pelbagai program promosi serta publisiti menerusi pendekatan komunikasi pemasaran bersepadu (*integrated marketing communication*) dengan menggabungkan strategi pengiklanan; pameran

(*roadshow*); perhubungan awam; penjenamaan; dan penerbitan bahan-bahan promosi. Program promosi dan publisiti pula dilaksanakan menggunakan medium media cetak, media elektronik dan komunikasi bersemuka.

Pada tahun 2014, perancangan promosi telah diadakan melibatkan program utama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) iaitu Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2014; Kempen Kebersihan Kuala Lumpur; Program Nur Ramadan; Program Pelancaran Produk KWP dan juga Agensi. Strategi promosi yang digunakan dalam mempromosikan program-program utama KWP adalah menerusi pengiklanan korporat dan juga penerbitan editorial/laporan khas. Bagi tahun 2014 sejumlah tujuh (7) pengiklanan korporat telah dilaksanakan meliputi akhbar Utusan Malaysia, Berita Harian, The STAR, dan Harian Metro. Manakala sejumlah tiga (3) advertorial/laporan khas telah dilaksanakan yang berkisar mengenai sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang disiarkan di STAR Metro dan RTM 1.



SHWP 2014



CSD 2014



Kempen KL Bersih



Ramadan



RUMAWIP



1WPrice




Town Hall

Menerusi pendekatan promosi yang dilaksanakan telah dapat memberi impak yang positif kepada masyarakat serta kumpulan sasar terhadap program utama yang dilaksanakan oleh KWP.

Selain itu, aktiviti promosi turut dilaksanakan secara perkongsian pintar bersama organisasi media dalam

usaha menyebarkan program utama Kementerian. Antaranya pelaksanaan program promosi bersiri di TV AlHijrah menerusi Rancangan Nur Ramadan@Wilayah Persekutuan. Program ini dilaksanakan sebanyak 14 siri sepanjang bulan Ramadan yang berkisar kepada Program Nur Ramadan di WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.



Selain itu, program promosi dan publisiti turut dilaksanakan menerusi sesi temubual. Bagi tahun 2014 sejumlah 10 temubual melibatkan televisyen dan juga radio telah dilaksanakan. Antaranya menerusi rancangan Selamat Pagi Malaysia (SPM), Assalamualaikum (TV AlHijrah) dan Program KL Sana Sini (KL fm). Menerusi temubual yang dilaksanakan ini dilihat menjadi medium yang sangat efektif dalam penyaluran maklumat mengenai dasar Kementerian sehingga ke akar umbi terutamanya terhadap kumpulan sasar yang berkepentingan.

Antara stesen yang terlibat dalam sesi temubual produk KWP



TV ALHIJRAH

Penerbitan dan Dokumentasi

Bagi meneruskan usaha penyebaran maklumat secara berterusan, Unit Promosi turut melaksanakan penerbitan seperti Laporan Tahunan KWP 2013, risalah, bunting dan poster yang berkaitan dengan produk serta perkhidmatan yang dilaksanakan oleh KWP. Di samping menerbitkan bahan-bahan promosi yang berkenaan,

Unit Promosi turut menerbitkan bahan-bahan promosi di media sosial seperti *Facebook* dan *Google Display Network*. Malahan penerbitan berkonsepkan audio visual juga turut diterbitkan, antaranya *showreel* Sesi Town Hall YB Menteri Bersama Komuniti Putrajaya; *showreel* Program Kenduri 1Wilayah; *showreel* Program Nur Ramadan; *showreel* Customers Services Day; dan *showreel* FLORIA 2014.



Pengurusan Majlis Rasmi dan Program Khas

Pada tahun 2014, pengurusan majlis rasmi dan program khas yang dilaksanakan melibatkan gabungan kerjasama antara Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi. Antara pengurusan majlis rasmi dan program khas yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

i) Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2014

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi bekerjasama dalam melaksanakan Majlis/Program/Festival/Aktiviti sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2014. Tema Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2014 ialah "Wilayah Persekutuan Ceria". Program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

- Langkah Ceria & Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Sempena SHWP 2014 pada 19 Januari 2014;
- Majlis Tahlil dan Doa Selamat Sempena SHWP 2014 pada 30 Januari 2014;
- Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan 1 Februari 2014;
- Forum Perdana Ehwat Islam Sempena SHWP 2014 pada 6 Februari 2014;
- Konvoi Berbasikal 1Wilayah Persekutuan Sempena SHWP 2014 pada 9 Februari 2014;
- Kenduri 1Wilayah Persekutuan Sempena SHWP 2014;
- Malam Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2014 pada 15 Februari 2014;

- *Dualthlon* Sempena SHWP 2014 16 Februari 2014; dan
- Program CSR Bersama Isteri YB Menteri WP 22 Februari 2014

ii) Program Khas

Bagi tahun 2014, Unit Majlis Rasmi dan Program Khas turut membantu menyelaras sejumlah 15 program yang berkaitan produk KWP. Penyelarasan meliputi elemen pengurusan majlis seperti jemputan, sambutan, protokol dan pengacaraan. Antara program tersebut adalah seperti berikut:

- Majlis Pengagihan BRIM Bersama YAB Perdana Menteri Malaysia
- Majlis Penyampaian Anugerah KPI Kebersihan Antara Kawasan Perumahan WPKL 2013
- Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KWP & Agensi 2013
- Majlis Pelancaran Majlis Perwakilan Penduduk WP (MPP WP)
- Majlis Pelancaran Projek Pembangunan Semula Perumahan 1Razak Mansion
- Solat Jumaat Bersama YAB PM Di Masjid Jamek Kg Bharu
- Program CSR Bersama Warga Putrajaya Sempena *Customer Service Day*
- Majlis Pelancaran & Sesi Pengundian Unit RUMAWIP Residensi Pandanmas
- Majlis Penutup Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Wilayah Persekutuan Ke-11 Tahun 2014
- Majlis Pelancaran & Sesi Pengundian Unit RUMAWIP Residensi Pandanmas 2
- Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kementerian Wilayah Persekutuan
- Rumah Terbuka Deepavali 2014 Anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan Bersama DBKL Serta Yayasan Wilayah Persekutuan
- Mesyuarat Ketua Pengarah Perkhidmatan (KPPA) Bersama Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Dan Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Bil. 4/2014
- Majlis Berkhatan dan *Back To School*
- Majlis Pelancaran 1WPrice



iii) Program Forum Perdana Ehwal Islam

Program Forum Perdana Ehwal Islam merupakan program baharu yang dianjurkan oleh KWP dalam usaha memupuk kesedaran dan meningkatkan nilai-nilai murni di kalangan warga Wilayah Persekutuan. Di samping itu, pelaksanaan program ini juga turut mendapat sokongan daripada pengurusan KWP khususnya YB Menteri Wilayah Persekutuan. Seiring dengan saranan pihak pengurusan KWP, penganjuran Forum Perdana Ehwal Islam telah dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Malah penganjuran ini juga mendapat kerjasama daripada JAKIM dan Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen.



Imbasan Program Forum Perdana Ehwal Islam bersama penceramah dan tetamu



iv) Program Nur Ramadan

Program Nur Ramadan adalah program tahunan anjuran KWP dan Agensi bagi tujuan mengimarahkan bulan Ramadan dan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Konsep pelaksanaan program adalah sesi berbuka puasa dan moreh bersama warga WP. Majlis Berbuka Puasa Peringkat Parlimen telah diadakan di Parlimen

Wangsa Maju pada 5 Julai 2014; Parlimen Cheras pada 5 Julai 2014; Parlimen Batu pada 6 Julai 2014; Parlimen Lembah Pantai pada 12 Julai 2014; Parlimen Seputeh pada 12 Julai 2014; Parlimen Titiwangsa pada 13 Julai 2014; Parlimen Bukit Bintang pada 13 Julai 2014; Parlimen Setiawangsa pada 19 Julai 2014; dan Parlimen Kepong pada 19 Julai 2014



v) Majlis Perhimpunan Bulanan Peringkat YB Menteri Wilayah Persekutuan/Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan

Bagi tahun 2014, Majlis Perhimpunan Bulanan Peringkat KSU sebanyak enam (6) kali. Majlis Perhimpunan Bulanan Peringkat YB Menteri Wilayah Persekutuan/Sesi *Town Hall* telah dilaksanakan sebanyak empat (4) kali.



Pengurusan Media

Aktiviti pengurusan media yang dilaksanakan meliputi elemen jemputan media (*Note To Editors*); dan siaran media/kenyataan media. Sepanjang tahun 2014, sejumlah 93 jemputan dan 28 siaran media/kenyataan media yang telah dilaksanakan. Selain itu, Unit Komunikasi Strategik dan Pengurusan Media telah menyelaraskan penyediaan artikel/berita berkaitan dasar/program anjuran Kementerian menerusi media cetak.

Program Bersama Media

Sepanjang tahun 2014, sejumlah lima (5) program telah dilaksanakan bagi mengeratkan hubungan antara Kementerian dan Agensi dengan pihak media. Antaranya Perjumpaan YB Timbalan Menteri Bersama Malaysia Press Club pada 11 Februari 2014; Kejohanan Bowling Antara Media Putrajaya Piala Dato' Sri Najib pada 3 Mei 2014; Program Nur Ramadan Media peringkat WP Kuala Lumpur; Putrajaya dan Labuan. Di samping itu, Unit Komunikasi Strategik dan Pengurusan Media turut melaksanakan kerjasama media bersama Media Prima (TV3), Utusan/KOSMO, The STAR; KL fm; dan TV9.

Utusan Malaysia - Task Force Kebersihan WP perlu kerjasama semua pihak (12 Feb 2014)



The Star - Highlights for DBKL (30 Jan 2014)



Sinar Harian (Lembah Klang) - Ops Bah Gempur Tujuh Parlimen (29 Ogos 2014) pg 21

Sinar Harian - Task Force ubah ibu kota (13 Februari 2014) pg 22

Pengurusan Aduan

Bagi memastikan aduan dapat dipantau dan diuruskan secara sistematik, SISPAA telah digunakan oleh KWP dan Agensi di bawah penyeliaan Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri. KWP telah menguatkuasakan tatacara pengurusan aduan dalam tempoh 15 hari seperti yang telah ditetapkan oleh Pekeliling

Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 tahun 2009 (Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam). Sepanjang tahun 2014, KWP dan Agensi telah menerima aduan dari pelbagai saluran penerimaan aduan. Laporan terperinci berkaitan penerimaan dan kadar penyelesaian aduan oleh KWP dan Agensi adalah seperti jadual dibawah:

Agensi	Terima	Selesai	Peratus Selesai	Dalam Tindakan	Peratus Dalam Tindakan
DBKL	21,954	21,523	98%	431	2%
PPJ	633	630	99.6%	3	0.4%
PL	439	434	98.8%	5	1.1%
MSWP	3	3	100%	-	-
PPKB	6	6	100%	-	-
Jumlah	23,035	22,596	98.1	439	1.9

Pengurusan Khidmat Pelanggan

KWP telah mengambil inisiatif melaksanakan *Customer Service-Day* (CSD) KWP dan Agensi bermula dari tahun 2012 lagi. Tujuan pelaksanaan CSD adalah untuk memberikan perkhidmatan secara terus kepada pelanggan dan menjadikan program CSD sebagai platform untuk mengeratkan hubungan antara sektor awam dengan orang ramai. Pada tahun 2014, Boulevard, Presint 3 Putrajaya menjadi pilihan KWP untuk penganjuran CSD KWP dan Agensi 2014. Program ini telah berlangsung selama tiga (3) hari bermula pada 6 hingga 8 Jun 2014.

Program CSD KWP dan Agensi 2014 telah menempatkan *booth* dan Kaunter Khidmat Pelanggan bagi mempamerkan produk dan perkhidmatan, perancangan dan pencapaian Agensi -agensi di bawah KWP iaitu DBKL, PPJ, PL, MSWP dan PPKB. Pada tahun ini, sebanyak 16 *booth* pameran diperuntukan kepada agensi luar. Antaranya Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Lembaga Pemasaran

Pertanian Persekutuan (FAMA), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Lembaga Tabung Haji, Plus (M) Sdn Bhd, Yayasan Wilayah Persekutuan, Yayasan Kesejahteraan Bandar, Koperasi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Hotel Shangri-La Putrajaya dan Radio KLfm.





Kajian Kepuasan Pelanggan 2014

Kajian Kepuasan Pelanggan 2014 telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali iaitu semasa *Customer Service Day* KWP dan Agensi 2014 pada 6 hingga 8 Jun 2014 dan FLORIA Putrajaya 2014 pada 14 hingga 22 Jun 2014. Berikut adalah jumlah responden yang telah diterima sepanjang kajian ini dijalankan:

Bil.	Program Tempat	Tarikh Perlaksanaan	Bilangan Responden
1	<i>Customer Service Day</i> KWP dan Agensi 2014	6 – 8 Jun 2014	1403 orang responden
2	FLORIA Putrajaya 2014	14 – 22 Jun 2014	697 orang responden

Program Sesi Interaksi Strategik KWP dan Agensi

Pada tahun ini, KWP telah memilih Telekom Malaysia Berhad bagi Program Sesi Interaksi Strategik KWP dan Agensi 2014. Sesi Interaksi Strategik ini telah dilaksanakan pada 23 Disember 2014 di Telekom Malaysia Convention Centre. Pelaksanaan sesi interaksi strategik ini bertujuan untuk berkongsi idea dan pendekatan yang dilaksanakan pihak Telekom Malaysia Berhad dalam Pengurusan Aduan, Khidmat Pelanggan *Customer Rewards Initiatives* dan *Customer Relations Management (CRM)*.

Tuan Ir. Jayaprakash Jayaraman, Asst. GM External Stakeholder Management/Customer Relation Group Brand & Communication TM Berhad menyampaikan taklimat berkenaan CRM





Pasukan Pengurusan Aduan KWP dan Agensi semasa Sesi Interaksi Strategik KWP Bersama Telekom Malaysia Berhad di Mini Auditorium, TMCC.

Program Lawatan Pelawat Luar Ke KWP

Bagi tahun 2014, KWP telah menerima sembilan (9) lawatan sambil belajar yang terdiri daripada pelajar sekolah rendah dan menengah serta Jawatankuasa Keselamatan Kampung. Pengisian atur cara lawatan adalah sesi taklimat berkenaan Kementerian Wilayah Persekutuan dan disusuli dengan penerangan mengenai produk-produk utama Kementerian.



Antara lawatan sambil belajar yang diselenggarakan oleh Bahagian Komunikasi Korporat



BAHAGIAN KEWANGAN

Bermula tahun 2014, Seksyen Pengurusan Kewangan telah dinaik taraf kepada Bahagian Kewangan yang terdiri daripada tiga (3) Seksyen iaitu Seksyen Belanjawan dan Pentadbiran Kewangan, Seksyen Perolehan dan Seksyen Bayaran, Hasil dan Amanah.

Bahagian ini bertanggungjawab melaksanakan penyelarasan penyediaan dan permohonan belanja mengurus tahunan Kementerian dan Agensi daripada Kementerian Kewangan; penyelarasan perbelanjaan belanja mengurus Kementerian dan Agensi dan penyaluran peruntukan mengurus dan peruntukan pembangunan yang diluluskan kepada agensi-agensi; pengurusan perolehan secara pembelian terus; e-Bidding; sebut harga B, sebut harga biasa dan tender; pengurusan pembayaran bil-bil belanja mengurus dan belanja pembangunan; dan pengurusan perakaunan.

PROGRAM TAHUN 2014


Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Pada tahun 2014, KWP dan agensi-agensinya telah diluluskan peruntukan Belanja Mengurus berjumlah RM504,770,000. Daripada jumlah tersebut,


sebanyak RM137,033,100 diperuntukan untuk KWP, RM12,000,000 untuk Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), RM62,276,700 untuk Perbadanan Labuan (PL), RM192,730,200 untuk Perbadanan Putrajaya (PPj), RM96,430,000 untuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan RM4,300,000 untuk Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PPKB).

Pada bulan Februari 2014, KWP telah menerima peruntukan tambahan berjumlah RM34,375,700 bagi tujuan pembayaran tunggakan yuran pelupusan (*tipping fee*) bagi tapak pelupusan sisa pepejal sanitari di Bukit Tagar, Hulu Selangor yang disalurkan kepada DBKL. Pada bulan April 2014 pula, KWP telah menerima waran sekatan bagi pemotongan peruntukan 5% ke atas Objek Am 20000, Belanja Mengurus KWP susulan arahan penjimatan oleh Kerajaan dan jumlah peruntukan dipotong adalah sebanyak RM3,225,000. Ini menjadikan jumlah peruntukan dipinda bagi Belanja Mengurus KWP adalah RM535,920,700. Daripada jumlah peruntukan dipinda tersebut, sejumlah RM529,864,635.76 atau 98.87% telah dibelanjakan.

Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Mengurus Kementerian Dan Agensi Bagi Tahun 2010, 2011, 2012 dan 2013



Peratus Belanja Mengurus Tahun 2014 Mengikut Objek Am



Jenis Belanja	Objek Am	Peruntukan Dipinda	Perbelanjaan Sebenar	Peratus Belanja
Emolumen	10000	19,306,905.00	18,175,347.40	94.14
Perkhidmatan & Bekalan	20000	53,936,805.00	49,164,888.03	91.15
Aset	30000	1,333,000.00	1,290,368.60	96.80
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	40000	461,323,870.00	461,234,031.73	99.98
JUMLAH		535,920,700.00	529,864,635.76	98.87

Prestasi Pelaksanaan Perolehan


Pelaksanaan perolehan e-Bidding, Sebut Harga dan Tender yang dirancang sepanjang tahun 2014 adalah meliputi perolehan Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah KWP seperti DBKL, PPj dan PL. Jumlah perolehan mengikut pecahan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

Jenis Perolehan	Tender	Sebut Harga	e-Bidding
Bilangan	48	36	1

Pengurusan Bayaran

Seksyen Bayaran, Hasil dan Amanah bertanggungjawab melaksanakan pengurusan kewangan KWP dan Agensi. Seksyen ini berperanan untuk menguruskan semua hal berkaitan pemprosesan pembayaran gaji kakitangan, elaun, tuntutan dan bayaran balik. Sebanyak 4,544 Baucar Bayaran yang telah diproses sepanjang tahun 2014 berjumlah sebanyak RM971,815,474.12.

Laporan Prestasi Pembayaran Bil Kementerian Wilayah Persekutuan Bagi Tahun 2014



Indeks Penarafan Akauntabiliti

KWP telah mendapat pencapaian 4 bintang di dalam Indeks Penarafan Akauntabiliti Kementerian bagi tahun 2013 dan berada di kedudukan 10 daripada 24 Kementerian. Pencapaian ini adalah satu penambahbaikan berbanding pencapaian yang diperolehi Kementerian bagi tahun 2012.

BAHAGIAN AKAUN

Bahagian ini telah ditubuhkan pada tahun 2013 yang diketuai oleh Setiausaha Bahagian dan terdiri daripada empat (4) Seksyen iaitu Seksyen Perakaunan Pengurusan; Seksyen Perundingan dan Pemantauan; Seksyen Perakaunan Kewangan; dan Seksyen Pentadbiran dan Kewangan. Bahagian ini diwujudkan dengan tujuan memantapkan perkhidmatan perakaunan dan kewangan Kementerian dengan lebih komprehensif.

PROGRAM TAHUN 2014

Transformasi Ke Arah Pelaksanaan Perakaunan Akruan

Pelaksanaan Perakaunan Akruan sejajar dengan Dasar Transformasi Sektor Awam dalam Model Baru Ekonomi bertujuan memantapkan pengurusan fiskal berhemat

serta mempertingkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan. Jabatan Akauntan Negara (JAN) telah ditugaskan sebagai *Lead Agency* dan Ketua Akauntan Kementerian telah dilantik sebagai *Change Ambassador* dalam membangun dan mempertingkatkan keupayaan serta kecekapan sistem pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan melalui pelaksanaan perakaunan akruan.

Perbezaan Antara Perakaunan Tunai Dengan Perakaunan Akruan



Pelaksanaan perakaunan akruan dapat memberi faedah seperti berikut:

- Memberi gambaran kedudukan kewangan Kerajaan yang lebih menyeluruh dan tepat;
- Meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti Kerajaan dalam pengurusan kewangan dan akaun;
- Menambahbaik pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan melalui tadbir urus yang baik


(*good governance*) serta menjurus kepada *value for money*;

- Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Kerajaan dengan penajanaan laporan prestasi dan penyata kewangan secara lebih lengkap dan menyeluruh;
- Pengukuran kesan polisi secara lebih efektif melalui pelaksanaan perakaunan pengurusan; dan
- Memberi petunjuk yang lebih baik dalam pengurusan kewangan secara berhemat.

STATUS PENGUMPULAN DATA BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI SEHINGGA DISEMBER 2014


Aset Tak Alih

RM3,863,480,583.00




Aset Alih

RM8,829,335.64




Akaun Belum Terima (Abt)

RM61,577.44



Akaun Belum Bayar (Abb)

RM535,687.55



PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Pejabat Penasihat Undang-Undang merupakan salah satu Pejabat yang bertanggungjawab kepada Ketua Setiausaha KWP. Pejabat Penasihat Undang-Undang ditubuhkan untuk memastikan kepentingan Kementerian terjaga dalam urusan yang melibatkan undang-undang selaras dengan objektif Pejabat ini. Pejabat Penasihat Undang-Undang diwujudkan bertujuan untuk membantu KWP mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dalam menilai serta menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus menerusi pendekatan:

- Bertindak bagi pihak Peguam Negara Malaysia untuk memberi nasihat perundangan kepada Kementerian seperti mana yang diperuntukkan di bawah perkara 145 Perlembagaan Persekutuan;
- Memberi nasihat mengenai segala aktiviti Kementerian mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan;
- Memastikan segala komitmen yang menyentuh mengenai undang-undang di Kementerian mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan;
- Menyemak dan meluluskan dokumen perundangan iaitu perjanjian, memorandum persefahaman, dan surat-surat yang mempunyai implikasi perundangan;
- Menggubal Undang-Undang dan Perundangan Subsidiari; dan
- Memastikan kepentingan Kementerian terjaga dan dilindungi dalam urusan yang melibatkan undang-undang.

PROGRAM TAHUN 2014

(A) Pandangan Undang-Undang

Bagi tahun 2014, Pejabat ini telah mengemukakan 26 pandangan undang-undang bertulis kepada Kementerian dan Agensi. Manakala pandangan undang-undang secara lisan telah diberikan dari semasa ke semasa.

(B) Perjanjian

Bagi tahun 2014, sebanyak 42 dokumen perjanjian yang dikemukakan oleh pihak Kementerian telah disemak oleh Pejabat ini.

(C) Penggubalan Perundangan Subsidiari

Perundangan subsidiari yang telah disiarkan dalam warta sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:

- Pemberitahuan di bawah subseksyen 15(4) – Rancangan Tempatan Presint 5,6,20 [P.U. (B) 78/2014]
- Pemberitahuan di bawah subseksyen 10(7) – Rancangan Struktur Putrajaya [P.U. (B) 77/2014]
- Pemberitahuan di bawah subseksyen 15(4) – Rancangan Tempatan Presint 16, 17, 19 [P.U. (B) 79/2014]
- Pemberitahuan di bawah subseksyen 15(4) – Rancangan Tempatan Presint 12 [P.U. (B) 325/2014]
- Pelantikan dan Pembatalan Pelantikan Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur 2014 [P.U. (B) 493/2014]
- Pelantikan Ahli Lembaga Perolehan A dan Ahli Lembaga Perolehan B (Pembatalan) 2014 [P.W. 29503/2014]
- Kadar Tahunan Yang Disatukan 2014 Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur [P.W. 29512/2014]
- Pelantikan dan Pembatalan Pelantikan Pendaftar Lembaga Rayuan [P.W. 30157/2014]

(D) Perintah Penahanan dan/atau Perintah Pembebasan di bawah Kanun Tatacara Jenayah

Bagi tahun 2014, sebanyak 4 Perintah Penahanan dan/ atau Pembebasan di bawah Kanun Tatacara Jenayah telah disemak.

UNIT AUDIT DALAM

Bagi memastikan pengurusan sumber dan kewangan dilaksanakan dengan berhemah, cekap, ekonomi dan berkesan, Unit Audit Dalam (UAD) telah ditubuhkan pada 1 April 2005 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004. Unit ini telah ditubuhkan sebagai salah satu komponen kawalan dalaman KWP yang menilai secara bebas dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha KWP.

PROGRAM TAHUN 2014

Bagi tahun 2014, program dilaksanakan berdasarkan Rancangan Audit Tahunan UAD 2014 yang diluluskan oleh Ketua Setiausaha. Kriteria pemilihan aktiviti adalah berdasarkan keperluan dan keutamaan semasa. Pencapaian kerja Unit Audit Dalam KWP bagi tahun 2014 adalah seperti di Jadual 1.

Bil.	Tajuk	Dilaksanakan
1	Menyediakan Rancangan Audit UAD KWP 2014	Januari
2	Menyediakan Laporan Tahunan UAD KWP 2013	Mac
3	Mengurusetiaikan Mesyuarat Jawatankuasa Audit	Jan, April, Julai & Oktober
4	Mengurusetiaikan Persidangan Audit Dalam KWP dan Agensi	November
5	Pengesahan Data Baki Awal Tanah dan Bangunan, Aset Tetap Lain serta Penghutang dan Pemiutang KWP	Mac, Jun & Oktober
6	Susulan Laporan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) Tahun 2013 di KWP	Jun
7	Pengauditan Perolehan Suku Tahun Pertama dan Kedua Di KWP	Mei & September
8	Pengauditan Pengurusan Kewangan Sukan Malaysia (SUKMA) 2013 di MSWP	Disember
9	Pengauditan Pengurusan Kewangan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu	April
10	Pengauditan Pengurusan Aset dan Stor KWP	Julai - Ogos
11	Pengauditan Terhadap Pengurusan Diskaun 50% Tambang Bot Laju Di Labuan	Februari - April
12	Pengauditan Terhadap Pengurusan Penswastan Tempat Letak Kereta Oleh DBKL	Mei - Julai
13	Pengauditan Terhadap Program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2014	November -Disember
14	Pengauditan Susulan Terhadap Pengurusan Diskaun 50% Tambang Bot Laju Di Labuan	November

UNIT INTEGRITI

Unit Integriti KWP telah diluluskan perjawatannya pada 1 Januari 2014 dengan jumlah keseluruhan empat (4) perjawatan Unit ini berperanan bagi memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesanan, pengurusan aduan, pematuhan dan tatatertib.

PENCAPAIAN TAHUN 2014

i) Dasar Baru yang digubal/dilaksanakan pada tahun 2014

Dasar baru yang dilaksanakan oleh Unit Integriti pada tahun 2014 ialah penubuhan dan pelaksanaan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) seperti mana Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014 : Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia : Penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus mulai 3 Jun 2014.

PROGRAM TAHUN 2014

Pada tahun 2014, Unit Integriti telah melaksanakan program dan aktiviti seperti berikut:

- (i) Menyelaras dan mengurus setia Jawatankuasa Siasatan Khas kepada Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) siri 2 Tahun 2013 – Pengurusan Lesen Iklan/ papan tanda di Kuala Lumpur (DBKL). Pengerusi bagi Jawatankuasa ini ialah YBhg. Datuk Mohd Shafiq bin Abdullah, Setiausaha Bahagian Pembangunan, Kementerian Kerja Raya dan ahli terdiri daripada wakil Kementerian Kewangan dan Unit Audit Dalam KWP.
- (ii) Menyelaras mesyuarat peringkat Kementerian dan Agensi bagi Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC). Mesyuarat PAC ini telah diadakan pada 29 Oktober 2014 di Parlimen yang telah dipengerusikan oleh YB Datuk Nur Jazlan bin Mohamad : Isu Pengurusan Lesen Iklan/ Papan Tanda di Kuala Lumpur. Mesyuarat penyelarasan bersama DBKL telah diadakan pada 24 Oktober 2014 yang dipengerusikan oleh TKSU (PSE) dan mesyuarat penyelarasan pada 28 Oktober 2014 telah dipengerusikan oleh KSU KWP;

- (iii) Menyelaras dan melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kepada Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JK JKTU) pada 23 Mei 2014 dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja kepada Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JK JITU) pada 24 September 2014 yang dipengerusikan oleh KSU KWP.
- (iv) Menyelaras dan melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) pada 13 Jun 2014 di Kementerian Wilayah Persekutuan dan Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) pada 30 Oktober 2014 di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kedua-dua mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan.
- (v) Melaksanakan Program Keutuhan/ Pembudayaan Nilai-nilai Murni di kalangan warga KWP dengan kerjasama Unit Latihan, Bahagian Khidmat Pengurusan KWP. Antara program yang telah dilaksanakan ialah Kursus Pembangunan Individu dan Organisasi Berintegriti (PIOB) dalam Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) yang telah dilaksanakan pada 27 hingga 29 Ogos 2014 di Ipoh, Perak. Seramai 36 orang telah mengikuti kursus ini yang terdiri daripada tujuh (7) orang pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan 29 orang pegawai Kumpulan Sokongan.
- (vi) Menyelaras dan mengemukakan Laporan Unit Integriti Agensi selaras dengan “Perkara 10 Pekeliling Perkhidmatan Bil.6 Tahun 2013” kepada Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi KWP dan Agensi secara berkala sebanyak dua (2) kali iaitu pada 15 Mei dan 15 September 2014.
- (vii) Melaksanakan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) bagi KWP Tahun 2014 mulai 22 hingga 31 Disember 2014.

(viii) Melaksanakan proses kemas kini status pelaksanaan dan semakan semula Pelan Integriti Organisasi (PIO) KWP mulai 22 hingga 30 Disember 2014.

vx) Kursus Pembangunan Individu dan Organisasi Berintegriti (PIOB) dalam perkhidmatan awam

Kursus ini telah diadakan di Ipoh, Perak selama tiga (3) hari bermula pada 27 hingga 29 Ogos yang bertujuan memberi pendedahan serta maklumat mengenai penubuhan Unit Integriti, Kementerian Wilayah Persekutuan. Di samping itu, peserta kursus juga turut diberikan pendedahan mengenai prinsip dan falsafah Pelan Integriti Nasional (PIN).



Antara penceramah kursus PIOB



Sesi pembentangan oleh peserta kursus



UNIT KPI

UNIT PRESTASI UTAMA (UPU)

Jabatan Perkhidmatan Awam telah memperakukan penubuhan satu unit khas untuk menyelaras Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di setiap Kementerian pada 11 Julai 2013. Unit ini bertanggungjawab terus kepada KSU. Fungsi unit ini adalah mengurus dan menyelaras pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) berhubung *Ministerial Key Performance Indicator (MKPI)* dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KSU. Unit ini bertanggungjawab dari aspek penyediaan, penetapan, pelaporan, pemantauan dan penilaian KPI yang berurusan secara terus dengan pihak PEMANDU (*Performance Management Delivery Unit*), Jabatan Perdana Menteri berhubung MKPI manakala Petunjuk Prestasi Utama KPI KSU, Unit KPI Kementerian berurusan secara terus kepada Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

PENCAPAIAN TAHUN 2014

Program Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

i) Pembangunan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KWP dan Penyediaan “Score Card dan Kamus KPI”

Unit KPI KWP bertanggungjawab menguruskan *Ministerial Key Performance Indicator (MKPI)* dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pengurusan Tertinggi Penjawat Awam (PTPA) Tier 1-(KPI KSU).

ii) *Ministerial Key Performance Indicator (MKPI) 2014*

Cadangan awal KPI tahun 2014 telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penyelarasan KPI, KWP Bilangan 3 Tahun 2013 pada 17 Oktober 2013 dan kemudiannya dimurnikan dalam Bengkel KPI yang telah diadakan pada 3 - 5 November 2013 melibatkan Pegawai-pegawai Kanan KWP dan Agensi. Setiap cadangan MKPI 2014 tersebut diteliti semasa sesi tersebut dan hanya KPI yang bersesuaian serta memberi impak kepada rakyat diterima seterusnya dibawa ke perbincangan lanjut serta mendapat pengesahan pihak pengurusan tertinggi KWP dalam pembentangan pada 20 Disember 2013. Satu sesi taklimat kepada YB Menteri Wilayah Persekutuan mengenai perkara ini telah diadakan pada 7 Februari

2014. Taklimat ini juga merupakan sebagai persediaan “*PM-Minister Year End Review Session*” 2013 dan *Focus Area KPI KWP* untuk tahun 2014 kepada YAB Perdana Menteri pada 10 Februari 2014 dan MKPI 2014 KWP dimuktamadkan.

iii) Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Penjawat Pengurusan Tertinggi Penjawat Awam (PPTPA) – KPI KSU 2014

Penyediaan KPI KSU bermula pada Oktober 2013 berdasarkan kelompok dan dimensi prestasi yang telah diputuskan di dalam Mesyuarat Mingguan Dengan Ketua Setiausaha Negara Bilangan 2 Tahun 2013 pada 18 Januari 2013, khusus bagi penetapan KPI di bawah Dimensi Prestasi Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Awam. Cadangan KPI dibuat dengan mengambil kira keputusan Mesyuarat Mingguan JPA bersama KSN Bilangan 19 Tahun 2013 pada 29 Ogos 2013 yang telah memutuskan bahawa berkuatkuasa tahun 2014. KPI KSU juga perlu diselaraskan bersama KPI YB Menteri, mengambil kira peranan KSU di dalam menyokong pelaksanaan KPI YB Menteri. Di samping itu, pada 24 April 2014 satu sesi perbincangan meja bulat telah diadakan bagi mendapatkan cadangan KPI tambahan KSU yang melibatkan pegawai-pegawai peringkat KWP dan Agensi.

iv) *Public Service Delivery Transformation (PSDT)*

Sektor awam mula mengambil inisiatif mendekati rakyat melalui Transformasi Sektor Awam. Pelaksanaan di peringkat Kementerian dibantu oleh PEMANDU, JPM dengan menggalakkan pelaksanaan dua (2) projek perintis iaitu:-

- i. *Projek Repairing Damaged Road in Federal Territories*; dan
- ii. *Projek Managing of Lift Breakdown in Public Housing*.

Kedua-dua projek tersebut telah berjaya mencapai aspirasi transformasi penyampaian perkhidmatan kepada warga kota iaitu melaksanakan pembaikan jalan di bawah tanggungjawab DBKL dalam tempoh 12 jam (bagi *potholes* <1m2) dan tempoh

2 hari (bagi *potholes* <6m²) serta tindak balas pembaikan lif dibuat dalam tempoh 30 minit dari masa aduan diterima. Kedua-dua projek akan diperluaskan pelaksanaannya pada tahun 2015.

v) Mesyuarat Penyelarasan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KWP Tahun 2014

Mesyuarat Penyelarasan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KWP ini dipengerusikan oleh KSU. Unit Prestasi Utama (UPU) telah menyasarkan tiga (3) kali mesyuarat sepanjang tahun 2014 bagi memantau pencapaian MKPI KWP dan pelaporan tahunan kepada Pemandu/JPA. Mesyuarat telah diadakan pada bulan 13 Mac, 20 Jun dan juga 28 Oktober 2014.

vi) Pelaporan Kemajuan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Penyediaan Laporan Bulanan perlu mengikut jadual yang ditetapkan oleh Pemandu iaitu pada setiap 15 hari bulan. Sebanyak 11 laporan pencapaian bulanan **Ministerial Key Performance Indicator** (MKPI) telah dikemukakan kepada pihak Pemandu, Jabatan Perdana Menteri bermula dari bulan Februari 2014 sehingga Disember 2014.

Laporan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama KPI KSU 2013 pula telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 28 Februari 2014.

vii) Program Latihan berkaitan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Pada tahun 2014, satu sesi Perbincangan Meja Bulat Projek PSDT dan Penyelarasan KPI KSU diadakan pada 24 April 2014 di Dewan Serbaguna Menara Seri Wilayah melibatkan warga KWP dan Agensi.

Sesi Penilaian Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) adalah seperti berikut:

Ministerial Key Performance Indicator (MKPI)

i. *PM-Minister Mid-Year Review Session 2014*

Sesi tersebut diadakan untuk menilai pencapaian KPI setengah tahun berdasarkan kepada dua (2) kategori iaitu: **Highlights** yang menunjukkan pencapaian melebihi sepatutnya, manakala **Lowlights** yang menunjukkan pencapaian rendah dari yang sepatutnya. Sebanyak 16 KPI berada di bawah

kategori **Highlights** manakala tiga (3) berada di bawah kategori **Lowlights** dan dua (2) KPI dimohon ubah sasaran. Terdapat juga satu tambahan KPI baru berikutan keputusan Kerajaan berhubung Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera menjadikan keseluruhan MKPI KWP sebanyak 22 KPI.

Satu taklimat kepada YB Menteri Wilayah Persekutuan telah diadakan sebagai persiapan menghadapi *Mid-Year Review Session*. Sesi *Mid-Year Review* telah diadakan pada 2 September 2014 di Pejabat YAB Perdana Menteri. Sebanyak tujuh (7) KPI yang berada di dalam kategori **Highlights** telah dinaikkan kepada sasaran baru yang lebih tinggi.

ii. *PM-Minister Year-End Review Session 2014*

Penilaian akhir tahun MKPI 2014 adalah untuk menilai pencapaian MKPI Tahun 2014. Sesi ini telah diadakan di Pejabat Perdana Menteri pada 17 Februari 2015 di antara YAB Perdana Menteri dan YB Menteri Wilayah Persekutuan dan peratus pencapaian keseluruhan adalah **107%**. Bilangan KPI berada dalam kod hijau sebanyak 21 iaitu melebihi pencapaian 90%, manakala dua (2) KPI berada dalam kod merah iaitu tidak mencapai sasaran iaitu di bawah 90%. Semasa sesi ini juga YAB Perdana Menteri memperakukan sebanyak 30 KPI MKPI bagi tahun 2015 (16 KPI NKEA + 14 KPI MKRA) yang telah melalui proses persetujuan di antara Pemandu dan Kementerian.

iii. **Sesi Penilaian Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama Pengurusan Tertinggi Penjawat Awam (PTPA)- (KPI KSU)**

Sesi Penilaian dibuat oleh Jawatankuasa Peringkat Tertinggi yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Setiap pencapaian KPI KSU, daripada setiap Kementerian akan dibentang untuk dinilai mengikut wajaran yang telah ditetapkan. Pada peringkat awal Urusetia daripada Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengumpulkan data-data yang berkaitan pencapaian setiap komponen di dalam KPI KSU tahun sebelumnya beserta dokumen sokongan sebagai bukti pencapaian. Pengumpulan maklumat berhubung pencapaian KPI KSU 2014 melalui semakan dokumen sokongan di peringkat Urusetia.



Imbasan Program Agensi Di Bawah KWP





DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PROGRAM TAHUN 2014

Majlis Perasmian Pameran Orkid Dan Bonsai 2014 Dan Kanopi Taman Botani Perdana

Pameran Orkid dan Bonsai Kuala Lumpur 2014 (KLOBS) diadakan selama 10 hari bermula dari 23 Mei 2014 sehingga 1 Jun 2014 bertempat di Taman Botani Perdana Kuala Lumpur. Pameran ini dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin Hj Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Majlis perasmian diadakan bersekaligus dengan Majlis Perasmian Kanopi, Taman Botani Perdana yang telah siap dibina melalui program pembangunan Fasa 2 Taman Botani Perdana.

KLOBS 2014 merupakan kesinambungan daripada Pameran Orkid dan Bonsai yang telah diadakan pada Mac 2012 yang lalu yang mempamerkan sebanyak 2000 spesis bonsai dan 800 orkid pelbagai jenis. Pameran ini berjaya menarik seramai 500,000 orang pengunjung sepanjang tempoh dilaksanakan.

Majlis Perasmian Taman Kejiranan Ayer Panas Dan Pelancaran Sahabat Taman - 8 Februari 2014

Perasmian Taman Kejiranan Ayer Panas dan Pelancaran SAHABAT TAMAN Kejiranan Ayer Panas telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan pada 8 Februari 2014 yang bertujuan untuk membantu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam menjaga, memelihara dan mengaktifkan aktiviti-aktiviti Taman Kejiranan Ayer Panas. Selain itu, melalui aktiviti kejiranan ini dapat menyemarakkan lagi semangat cintakan alam sekitar dan menghargai kemudahan awam yang disediakan oleh Kerajaan. Taman Kejiranan Ayer Panas ini merupakan salah satu projek di bawah pembiayaan Rancangan Malaysia ke-10. Di antara matlamat Pelan Strategik Bandaraya Kuala Lumpur 2010 - 2020 yang dirangka ialah Bandaraya Milik Warga Kota, Bandaraya Makmur Ekonomi, Bandaraya Eko dan Bandaraya Urus Tadbir Cekap. Program penghijauan Kuala Lumpur adalah

antara inisiatif yang telah dirangka bagi merealisasikan dua (2) matlamat Pelan Strategik 2010-2020 iaitu Bandaraya Milik Warga Kota dan Bandaraya Eko. Sehubungan itu, KWP melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan terus mewujudkan lebih banyak lagi kawasan hijau dan taman awam dengan pelbagai tema dan konsep bukan sahaja untuk menyeimbangkan pembangunan di Kuala Lumpur malah turut memenuhi kehendak rekreasi di kalangan warga kota. DBKL sentiasa melaksanakan pelbagai inisiatif baru bagi memastikan keharmonian kesejahteraan warganya terpelihara. Taman ini pada asalnya adalah sebuah kawasan semak belukar yang terbiar yang menjadi tempat pembuangan sampah haram, kini telah dijadikan sebuah taman yang dipenuhi dengan pelbagai fasiliti dan prasarana rekreasi serta diperindah dengan elemen landskap yang menarik.

Pagi Bebas Kenderaan Kuala Lumpur Acara Perdana - setiap Ahad pertama setiap bulan

Program ini adalah salah satu dari inisiatif yang dilaksanakan setelah YAB Perdana Menteri Malaysia di Persidangan Perubahan Iklim Bangsa-Bangsa Bersatu 2009 di Copenhagen (COP15) yang mengumumkan pendirian Malaysia untuk mengurangkan *emissions* *intention* city KDNK sehingga 40 peratus berdasarkan paras 2005 menjelang 2020 tertakluk kepada pemindahan teknologi dan bantuan kewangan dari negara-negara maju. YAB Perdana Menteri telah memulakan inisiatif *multisectoral* dan *trans Ministerial* yang bertujuan untuk mengalihkan Malaysia ke arah pembangunan rendah karbon yang mampan. Tujuan dan matlamat *KL Car Free Morning* diadakan untuk mengukuhkan perpaduan rakyat, melaksanakan gaya hidup sihat, mengeratkan kemesraan keluarga (*family bonding*) dan menjaga alam sekitar. Dengan sehari dalam sebulan, rakyat akan diberikan peluang untuk mengurangkan *carbon emission* dengan beriadah menggunakan kenderaan awam dan juga untuk melaksanakan aktiviti keluarga (*spending quality time with the family*). Peserta terdiri dari mereka yang berjalan kaki, berlari, *skateboard*, *roller blade*, serta berbasikal. Peserta juga terdiri dari pelbagai latarbelakang, dari bayi sehinggalah warga emas dan turut melibatkan semua kaum yang hadir bagi menjayakan program mesra alam ini.



Hari Penguatkuasa DBKL Ke-45



*Program Pagi Bebas Kenderaan
Kuala Lumpur Acara Perdana -
setiap Ahad pertama setiap bulan*

Hari Penguatkuasa DBKL Ke-45

Hari Penguatkuasa DBKL diraikan pada 15 September setiap tahun sempena dengan penubuhan Skwad Pemusnah (*Demolition Squad*) pada tarikh tersebut. Pelbagai program sempena Sambutan Hari Penguatkuasaan ke-45 telah dirancang dan dilaksanakan seperti Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil, Majlis Derma Darah, Majlis Penghargaan Bersama Agensi dan Perbarisan Hari Penguatkuasa. Seramai 876 pegawai dan kakitangan Jabatan Penguatkuasaan telah menyertai perbarisan.

Antara tugas-tugas tambahan yang turut dilaksanakan oleh Penguasa DBKL bagi membantu pasukan Polis Diraja Malaysia menjaga keamanan ibu kota adalah seperti berikut:

- Perhimpunan Guling Kerajaan Sambutan Tahun Baru 2014.** Pada 31 Disember 2013 satu perhimpunan haram guling Kerajaan sempena Sambutan Tahun Baru 2014 Konsert Ambang Tahun Baru 2014 di Dataran Merdeka terpaksa dihentikan pada jam 11.30 malam berikutan peserta demonstrasi mula mencerooboh kawasan pentas utama. Seramai 600 pegawai dan anggota penguatkuasa ditugaskan untuk mengawal keselamatan para tetamu khas dan juga kawalan ke atas harta benda Datuk Bandar.
- Perhimpunan Aman Bantah GST di Dataran Merdeka.** Pada 01 Mei 2014 satu perhimpunan bantah cukai barang dan perkhidmatan (GST) mula berkumpul di lima (5) lokasi ibu negara antaranya di Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Pusat Beli Belah SOGO, Masjid Negara, Dataran Maybank dan Brickfields bermula jam 9.30 pagi. Seramai 350 pegawai dan anggota penguatkuasa ditugaskan untuk mengawal harta benda Datuk Bandar di Dataran Merdeka.
- Perhimpunan “Selamatkan Anak-anak Gaza” di Dataran Merdeka.** Seramai 230 pegawai dan anggota penguatkuasa telah terlibat dalam mengawal Harta benda Datuk Bandar di Dataran Merdeka semasa Perhimpunan “Selamatkan Anak-anak Gaza” pada 02 Ogos 2014.
- Penghormatan Terakhir Mangsa MH17.** Pada 22 Ogos 2014 adalah merupakan Hari Malaysia Berkabung bagi memberi penghormatan terakhir bagi mangsa MH17. Secara tidak langsung Jabatan ini telah menyelaraskan pasukan pengiring dan pengusung jenazah di tiga (3) lokasi iaitu Nirvana Jalan Sungai Besi, Tanah Perkuburan Bukit Kiara dan juga Tanah Perkuburan Gombak.

Program Penjenamaan Semula Pasar Malam Taman Tun Dr. Ismail Kuala Lumpur

DBKL telah melaksanakan Program Penjenamaan Semula Pasar Malam Taman Tun Dr. Ismail bagi menambahbaik aktiviti dan operasi pasar malam di Kuala Lumpur dari aspek pengurusan, disiplin, kebersihan, lalulintas, penguatkuasaan dan pembangunan. Terdapat 201 orang peniaga yang akan menjalankan perniagaan mereka pada setiap hari Ahad jam 6.00 petang hingga 12.00 malam. Hasil daripada program penjenamaan semula pasar malam ini membolehkan DBKL untuk menyusun semula pengurusan peniaga di kawasan tersebut sekaligus dijadikan KPI kepada Jabatan Perlesenan dan Pengurusan Penjaja untuk membuat pemantauan. Antaranya adalah penggunaan plat lesen bagi mempamerkan Lesen Perniagaan Pasar Malam yang selaras dengan nombor petak perniagaan, mewajibkan penyediaan tong sampah dan penekanan

kepada kebersihan kawasan, penyediaan kanopi yang seragam, pemakaian apron yang seragam dan alas meja yang seragam, penetapan zon mengikut kategori jualan (zoning), kawalan lalulintas dan penyusunan tempat kereta pengunjung yang lebih teratur. Harapan pihak DBKL daripada pelaksanaan program ini adalah menjadikan Pasar Malam Taman Tun Dr. Ismail sebagai 'role-model' untuk pasar malam lain di Kuala Lumpur. Selain itu, ia juga dapat memastikan semua peniaga pasar malam menggunakan plat lesen dan nombor siri petak perniagaan di seluruh pasar malam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sekaligus menjadikan semua pasar malam di Kuala Lumpur lebih kemas, teratur dan bersih serta tidak menjejaskan aktiviti lain di kawasan sekitar dan penduduk setempat dan yang paling penting adalah imej pasar malam perlu ditingkatkan agar ia terus relevan dengan pembangunan dan keadaan kehidupan masa kini di Kuala Lumpur.



Program Penjenamaan Semula Pasar Malam Taman Tun Dr. Ismail Kuala Lumpur



PERBADANAN PUTRAJAYA

Penganjuran acara di Putrajaya merupakan antara penyumbang utama kepada kemeriahan, kemakmuran dan juga merancakkan aktiviti pelancongan di Putrajaya. Pada tahun 2014, sebanyak 226 acara telah dianjurkan iaitu sebanyak 18 acara peringkat antarabangsa, 26 acara peringkat kebangsaan dan 182 acara di peringkat Putrajaya (termasuk aktiviti komuniti dan aktiviti di taman awam Putrajaya). Acara-acara tersebut telah berjaya menarik kedatangan seramai lebih kurang 5.1 juta pengunjung acara ke Putrajaya iaitu 70% penyumbang kepada lebih kurang 7.4 juta jumlah kedatangan pelawat dan pelancong ke Putrajaya. Antara *signature events* dan acara berskala besar yang menarik perhatian ramai pada tahun 2014 termasuklah:

PROGRAM TAHUN 2014

Putrajaya International Hot Air Ballon Fiesta (HABF2014)

Sebanyak 20 belon udara panas dari luar negara, termasuk lima (5) belon udara panas istimewa dalam pelbagai bentuk, saiz dan warna telah menghiasi ruang udara Putrajaya sepanjang penganjuran HABF2014 mulai 27 hingga 30 Mac 2014. Penganjuran HABF2014 buat kali ke-6 ini telah berjaya menarik seramai 200,000 ribu pengunjung yang terdiri dari rakyat Malaysia (68%) dan pelancong asing (32%). Selain itu, beberapa acara sampingan telah turut diadakan bagi memeriahkan lagi suasana pesta ini.



*Putrajaya International
Hot Air Ballon Fiesta
(HABF2014)*

Kejohanan Dunia *Red Bull Air Race* Putrajaya (RBARP2014)

Kejohanan Dunia *Red Bull Air Race* Putrajaya (RBARP2014) merupakan acara baru yang telah berlangsung pada 17 dan 18 Mei 2014. RBARP2014 merupakan perlumbaan udara kali pertama dianjurkan di Asia dan Putrajaya merupakan lokasi ketiga daripada lapan (8) buah lokasi kejohanan yang terpilih. Kejohanan tahunan ini melibatkan dua kategori perlumbaan iaitu *Challenger Cup* dan *Master Class* telah berjaya mencungkil bakat dan memberi peluang kepada juruterbang untuk menimba pengalaman dalam arena sukan penerbangan. Ia juga menjadi platform bagi para juruterbang menjadi pelapis kepada sukan penerbangan. Keunikan acara ini telah berjaya menarik seramai 1.5 juta orang pengunjung bagi menyaksikan kehebatan persembahan peserta bertanding dan perlumbaan di Putrajaya telah disiarkan di TV secara langsung ke lebih daripada 120 negara dan mendapat liputan meluas media antarabangsa.

Festival Bunga dan Taman DiRaja Putrajaya (FLORIA DIRAJA)

Festival Bunga dan Taman Putrajaya telah dianugerahkan gelaran FLORIA Diraja Putrajaya pada tahun 2014 oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu`adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah. FLORIA Diraja 2014 bertemakan "Begonia-Pesona Warna" berlangsung mulai 14 hingga 22 Jun 2014 berjaya menarik lebih 500,000 pengunjung ke acara tersebut. Selama tempoh sembilan (9) hari festival, pengunjung telah disajikan dengan himpunan sebanyak 400,000 koleksi pokok pelbagai spesis, kultivar bunga-bunga serta tanaman hiasan dari kawasan tropika dan sub-tropika. Selain itu, FLORIA Diraja juga turut mempamerkan lebih daripada 60 spesis Begonia atau dengan nama lainnya pokok Asam Batu. Negara-negara lain yang turut mengambil adalah Brunei, China, Denmark, Itali, Kenya, Korea, Netherlands, Filipina, Amerika Syarikat, Rusia, Singapura, Sepanyol, Taiwan, Afrika Selatan, Thailand dan Vietnam.



Kejohanan Dunia *Red Bull Air Race* Putrajaya (RBARP2014)

Pesta Bunga Dan Taman Diraja Putrajaya (FLORIA Diraja)



Kejohanan Formula E 2014 (FEC 2014)

Kejohanan **Formula E 2014 (FEC 2014)** merupakan *signature event* bagi negara Malaysia dan Putrajaya berbangga dipilih sebagai lokasi penganjuran. Kejohanan yang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia ini berlangsung pada 22 November 2014 dan telah mendapat liputan meluas di seluruh dunia serta disiarkan secara langsung melalui saluran *Fox Sport Channel*. Putrajaya menjadi lokasi kedua kejohanan selain daripada sembilan (9) buah lokasi lain di seluruh dunia iaitu London, Berlin, Monte Carlo, Beijing, Buenos Aires, Long Beach, Punta del Este dan Miami untuk musim pertama iaitu bermula dari September 2014 hingga Jun 2015. Seramai 100,000 pengunjung telah hadir beramai-ramai memenuhi tempat penonton yang berharga dari RM50 hingga RM3000.

Festival Kesenian dan Kebudayaan Islam Antarabangsa Putrajaya

Penganjuran Festival Kesenian dan Kebudayaan Islam Antarabangsa Putrajaya (PIIACUF) buat kali kedua pada 30 Oktober hingga 2 November 2014 telah berjaya merintis jalan bagi memposisikan Putrajaya sebagai pusat kegemilangan kesenian dan kebudayaan Islam alaf baharu di peringkat antarabangsa. Dengan tema Keajaiban Dunia Islam (*Wonders of Islamic World*), PIIACUF 2014 menghimpunkan pelbagai pameran artifak, kraftangan, kebudayaan, fesyen, perfileman, muzik serta forum ilmiah yang mempamerkan kehebatan budaya umat Islam di dalam dan luar negara.

Lebih daripada 200 program dan aktiviti telah disertai oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Penyertaan negara luar terdiri daripada Kyrgyzstan, Oman, Palestine, Indonesia, Mesir, Iran, China, Yemen, United Kingdom, Sweden, Kanada, Amerika Syarikat, Perancis dan World Craft Council Asia Pacific manakala Malaysia diwakili oleh Islamic Tourism Council (Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan), Kerajaan Negeri Terengganu, Kelantan serta Johor dan juga NGO/swasta seperti Persatuan Seni Khat Kebangsaan, Yayasan Restu, Koperasi Dagang Seni Malaysia Berhad dan *Malaysia Board on Books for Young People*. Pada tahun ini, kehadiran pengunjung meningkat sebanyak 40% iaitu seramai 350,000 pengunjung.

Capaian *posting* media sosial PIIACUF pula mencecah 2 juta hit/*reach* dan capaian ini menjangkau ke seluruh dunia. Liputan berita adalah secara meluas di pelbagai saluran stesen TV, radio, akhbar dan atas talian. Jumlah penonton TV bagi program-program PIIACUF (selain daripada liputan berita) berdasar laporan Nielson mencecah 1.4 juta penonton dan pembaca akhbar pula dianggarkan menjangkau 11.1 juta orang di Malaysia. Dua (2) dokumentari khas diterbitkan sempena PIIACUF iaitu *The Malay Daggers* dan *The Steel from Jerusalem* dalam bahasa Inggeris bertujuan untuk mengorak langkah pamasaran dan memposisikan festival di peringkat antarabangsa. Selain daripada itu 14 episod dokumentari TV yang diterbitkan sempena PIIACUF iaitu Chinese Martial Art-Kungfu Islam yang difilemkan di China dan Fajar Iman di Bumi Nihon pula difilemkan di Jepun mempamerkan kesenian dan kebudayaan Islam secara universal.



Putrajaya International Islamic Arts And Culture Festival (PIIACUF 2014)




Formula E Championship (FEC 2014)

Festival *Light And Motion* Putrajaya (LAMPU2014)

Penganjuran Festival Cahaya Putrajaya 2014 (LAMPU2014) merupakan sebuah acara hasil idea dan usahasama ahli-ahli *Lighting Urban Community International* (LUCI), yang merupakan sebuah badan persatuan antarabangsa yang menyokong inisiatif, evolusi idealistik dan transformasi industri pencahayaan di bandar-bandar seluruh dunia. LAMPU2014 mengetengahkan konsep reka bentuk

cahaya berteknologi tinggi, interaktif dan pintar. Objektif LAMPU2014 ini adalah untuk memberi peluang kepada pengunjung untuk merasai senario pencahayaan terkini dan secara tidak langsung memberi peluang dalam bereksplorasi melalui pendedahan kreativiti serta kemahiran pencahayaan di Malaysia. LAMPU2014 ini telah berjaya membawa seramai 500,000 ribu pengunjung untuk tiga (3) hari penganjurannya iaitu pada 12 hingga 14 Disember 2014.



Festival *Light And Motion* Putrajaya (LAMPU2014)





PERBADANAN LABUAN

Perbadanan Labuan (PL) ditubuhkan pada 1 Julai 2001, di bawah Akta 609, Akta Perbadanan Labuan 2001. Penubuhan PL merupakan hasil penggabungan dua agensi utama iaitu Lembaga Pembangunan Labuan dan Majlis Perbandaran Labuan. PL bertanggungjawab untuk memastikan pembangunan di Wilayah Persekutuan Labuan terancang melalui pembangunan sosio ekonomi yang maju dan mampan; peningkatan prasarana dan perkhidmatan yang berterusan; dan menjadikan Pulau Labuan taman percutian dan perniagaan yang unik dan menarik serta memenuhi citarasa kedamaian, ketenangan, kemewahan dan cabaran

Labuan Dualthlon Challenge 2014

Perbadanan Labuan telah menganjurkan Labuan Dualthlon Challenge 2014 yang telah diadakan pada 16 Februari 2014. Program ini merupakan pengisian program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan di peringkat Labuan yang telah berjaya menerima penyertaan seramai 164 orang dari dalam dan luar negara iaitu 12 orang peserta luar negara dari Brunei Darussalam, United Kingdom, Kenya, Perancis, Denmark,

Thailand dan Australia. Pertandingan ini membabitkan tiga (3) disiplin iaitu berlari sejauh 5km, berbasikal sejauh 35km dan berlari semula sejauh 5km sebelum menamatkan pertandingan. Sebanyak empat (4) kategori dipertandingkan iaitu lelaki terbuka, wanita terbuka, kategori lelaki junior veteran dan lelaki veteran terbuka. Pemenang setiap kategori menerima hadiah wang tunai berjumlah RM2,000 untuk juara, RM1,500 untuk naib juara dan RM1,000 untuk tempat ketiga selain menerima piala dan medal.

Program Local Agenda 21

Sepanjang tahun 2014, terdapat beberapa aktiviti di bawah Program Local Agenda 21 (LA21) yang telah dilaksanakan. Objektif utama program ini adalah untuk mewujudkan kerjasama masyarakat setempat serta wakil Jabatan-Jabatan Kerajaan, agensi-agensi swasta, persatuan-persatuan bukan Kerajaan (NGO), dewan-dewan perniagaan, Ketua-Ketua kampung, pelajar-pelajar sekolah dan warga Wilayah Persekutuan Labuan khususnya dalam menjayakan Program Local Agenda 21 (LA21) di Wilayah Persekutuan Labuan. Program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar, amalan kitar semula dan semua aspek yang berkaitan melestarikan alam sekitar. Tumpuan lokasi ialah di kawasan sekitar bandar Labuan yang merupakan laluan utama orang awam. Antara program yang telah diadakan adalah seperti berikut :

Antara salah satu aktiviti program Local Agenda 21.

Sesi penyampaian hadiah kepada peserta Labuan Dualthlon Challenge



Bil.	Nama Program	Tarikh	Tempat	Jumlah Penyertaan
1	Program Kampung Air Bersih dan Indah Fasa II	9.3.2014	Balairaya, Kg. Patau-Patau 1	500 orang
2	Gotong-Royong Medan Selera	16.3.2014	Kawasan Lapang Medan Selera	500 orang
3	Program Gotong-Royong Mega Labuan	25.10.2014	Kawasan Bangunan Tang Kah Wah	1000 orang

Sesi Town Hall YB Menteri Wilayah Persekutuan Bersama Penjawat Awam

Pada 4 Julai 2014, Sesi Town Hall YB Menteri Wilayah Persekutuan bersama penjawat awam di Wilayah Persekutuan Labuan telah diadakan bertempat di Dewan Konvensyen, Ujana Kewangan WP Labuan. Seramai 2,000 orang penjawat awam telah hadir yang mewakili 81 Jabatan dan Agensi Kerajaan. Selain mendengar amanat YB Menteri Wilayah Persekutuan, sesi ini juga memberi peluang kepada semua penjawat awam mengemukakan cadangan atau pandangan terus kepada YB Menteri Wilayah Persekutuan mengenai perkara-perkara yang berkaitan perkhidmatan awam di WP Labuan. Melalui sesi ini, sebarang permasalahan yang dihadapi oleh penjawat awam juga boleh diutarakan bagi mendapatkan cadangan penyelesaian yang terbaik.

Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Kali Ke-8 2014

Perbadanan Labuan telah menjadi penyelarاس utama kepada Sukan Persahabatan BIMP EAGA (Brunei, Indonesia, Malaysia, Phillipine - East Asia Growth Area) kali ke 8 yang telah diadakan pada 6 hingga 10 Disember 2014 di WP Labuan. Majlis Pembukaan Sukan Persahabatan BIMP-EAGA telah diadakan di Dataran Labuan pada 7 Disember 2014 dan disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Pada tahun ini, sebanyak 12 pasukan telah menyertai kejohanan ini iaitu Sabah, Sarawak, Brunei Darussalam, Kalimantan Timur, Kalimantan Barat, Maluku Indonesia, Kalimantan Selatan, Sulawesi

Selatan, Papua Indonesia, Mindanao Indonesia, Palawan Filipina, dan Wilayah Persekutuan Labuan. Labuan telah mencatat sejarah tersendiri pada temasya Sukan persahabatan BIMP-EAGA Kali Ke-8 dengan mengutip sebanyak 5 pingat emas, 10 pingat perak dan 20 pingat gangsa sekaligus meletakkan WP Labuan di tangga ke 6 secara keseluruhannya. Majlis Penutupan Sukan Persahabatan BIMP-EAGA ini telah diadakan pada 10 Disember 2014 bertempat di Dewan Serbaguna Perbadanan Labuan dan telah disempurnakan oleh Menteri Belia dan Sukan.

Sambutan Ambang Tahun Baharu 2015 “Malam Cinta Rasul”

Program Malam Cinta Rasul telah diadakan sempena Sambutan Ambang Tahun Baharu 2015 pada 31 Disember 2014 di Dataran Labuan. Dianggarkan seramai lebih 3,000 orang telah membanjiri Dataran Labuan bagi mengikuti program yang diadakan julung kalinya di Wilayah Persekutuan Labuan. Antara pengisian program ini adalah Solat Maghrib berjemaah, Majlis Labuan Berzikir, Solat Isya' berjemaah dan persembahan Qasidah dan Tausiyyah. Majlis Labuan Berzikir dipimpin oleh Ustaz Ahmad Fakrurrazi bin Mohammed, Pensyarah, Jabatan Pengajian Al-Quran & Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Sambutan pada kali ini diberi kelainan bagi menggalakkan program berunsur keagamaan serta menghormati perasaan semua pihak yang terlibat dengan tragedi dan peristiwa yang berlaku sepanjang tahun 2014.



MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

PROGRAM TAHUN 2014

Sukan Malaysia XVII Perlis 2014

Kontinjen Wilayah Persekutuan telah berjaya dinobatkan sebagai juara keseluruhan pada Sukan Malaysia XVII yang berlangsung di Perlis dengan memperolehi 55 pingat emas, 38 pingat perak dan 50 pingat gangsa. Terdapat 24 jenis sukan yang dipertandingkan seperti jadual yang dipaparkan di bawah:

Jadual 1 : *Sukan SUKAN MALAYSIA XVII*

Bil.	Sukan	Bil.	Sukan	Bil.	Sukan	Bil.	Sukan
1	PENCAK SILAT	7	BERBASIKAL	14	TENIS	21	MENEMBAK
2	BOLA SEPAK	8	BOLING PADANG	15	AKUATIK	22	TAEKWANDO
3	HOKI LELAKI	9	TENPIN BOWLING	16	MEMANAH	23	GOLF
	HOKI PEREMPUAN	10	BADMINTON	17	PETANQUE	24	WUSHU
4	SKUASY	11	TINJU	18	PERAHU LAYAR		
5	KANU	12	ANGKAT BERAT	19	GIMRAMA		
6	KARATE	13	SEPAK TAKRAW	20	OLAH RAGA		

Jadual 2 : *Jumlah Pingat Keseluruhan SUKAN MALAYSIA XVII*

Kontinjen	Emas	Perak	Gangsa	Jumlah Keseluruhan
WILAYAH PERSEKUTUAN	55	38	50	143
TERENGGANU	51	55	31	137
SARAWAK	47	31	35	113
SELANGOR	36	50	71	157
PAHANG	34	27	32	93
PERAK	24	24	36	84
PULAU PINANG	24	21	30	75
JOHOR	23	32	40	95
SABAH	21	31	44	96
NEGERI SEMBILAN	18	26	24	68

Kontinjen	Emas	Perak	Gangsa	Jumlah Keseluruhan
MELAKA	16	12	17	45
KEDAH	15	17	23	55
KELANTAN	12	14	6	32
PERLIS	12	10	30	52
BRUNEI DARUSSALAM	1	0	0	1

Majlis Penyerahan Insentif dan Berbuka Puasa Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

Majlis telah diadakan pada 9 Julai 2014 sempena penyertaan Kontinjen Wilayah Persekutuan (WIPERS) ke Kejohanan Sukan Malaysia XVII, Perlis 2014. Majlis ini diadakan bertujuan untuk memberi penghargaan serta

pengiktirafan dalam meningkatkan motivasi di samping memupuk ikatan keakraban. Penyampaian insentif pada kali ini melibatkan seramai 178 atlet, 18 orang pengurus, 36 orang jurulatih dan seorang Masseur Gimrama. Penyerahan insentif ini telah disampaikan oleh YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan.



Barisan penerima Insentif Sukan Malaysia XVII



Program Konvoi Berbasikal Hari Wilayah Persekutuan Sempena Tahun Melawat Malaysia 2014

Program yang diadakan pada 9 Februari 2014 telah disertai seramai 5,717 orang warga Wilayah Persekutuan. Konvoi Berbasikal ini telah berjaya direkodkan di *THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS* dengan jarak perjalanan sejauh 50 km. Objektif penganjuran program

ini adalah untuk memupuk semangat cintakan Wilayah Persekutuan di samping menggalakkan warga Wilayah Persekutuan mengamalkan gaya hidup sihat dan secara tidak langsung dapat mengeratkan silaturahim di antara penduduk Wilayah Persekutuan. Konvoi bermula di Dataran Putrajaya hingga ke Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil dan berakhir di Dataran Putrajaya. Perlepasan telah disempurnakan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan.



Program Konvoi Berbasikal



PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU (PPKB)

Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PPKB) ditubuhkan pada 1 April 2012, sebagaimana termaktub di bawah Akta Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu 2011 [Akta 733] berfungsi sebagai Agensi Penyelaras, Pemudahcara dan Penggerak Utama dalam pembangunan semula Kampung Bharu.

PROGRAM TAHUN 2014

Program Pemerksaan Melayu Dalam Rangkaian Perniagaan Dan Keusahawanan Kampung Bharu Bagi Tahun 2014

Program keusahawanan bagi penduduk Kampung Bharu telah dirangka dan dilaksanakan bertujuan untuk melahirkan usahawan-usahawan profesional yang berilmu pengetahuan di dalam menguruskan perniagaan mereka. Demi mencapai hasrat dan tujuan program keusahawanan, PPKB optimis, program ini akan mencapai sasaran objektif yang telah ditetapkan iaitu; membina keyakinan diri serta matlamat yang jelas sebagai usahawan, membina jaringan di kalangan bakal usahawan sebagai satu kekuatan utama berjaya di dalam perniagaan dan membentuk sikap positif di dalam pemikiran, sikap dan tingkah laku. Program keusahawanan dirangka dalam empat (4) tahap dengan jumlah peserta seramai 100 orang.

Bil.	Tahap	Tarikh
1	Tahap 1 Siri 1/2014	17 - 19 Jan 2014
2	Tahap 1 Siri 2/2014	6 - 8 Mac 2014
3	Tahap 2 - Tahap 4	1 Nov - 29 Dis 2014

Peserta keusahawanan PPKB terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuklah peniaga, kakitangan swasta, kakitangan Kerajaan, pelajar, surirumah dan juga penganggur. Peserta yang berniaga adalah mereka yang mengusahakan perniagaan sendiri. Jenis perniagaan yang dijalankan seperti makanan, perkhidmatan pelancongan, percetakan dan perniagaan pakaian muslim dan muslimah.

Bakal-bakal usahawan yang dipilih oleh PPKB adalah golongan yang bakal menjadi penanda aras kepada kesinambungan generasi awal Kampung Bharu dalam memainkan peranan aktif dalam aspek sosio-ekonomi.

Matlamat kursus adalah untuk mengenal pasti dan menyaring peserta program usahawan Siri 1 Tahap 1B, seramai 90 orang serta membimbing bakal-bakal usahawan (peserta) khususnya generasi muda Kampung Bharu sebagai persediaan kepada mereka untuk menggerakkan aktiviti ekonomi di Kompleks Pasar Raja Bot sebagai hub utama pelbagai bidang perniagaan dan perdagangan di Lembah Klang. Untuk itu, PPKB menyasarkan akan dapat melahirkan 400 usahawan menjelang tahun 2017.

Majlis Tahlil dan Doa Selamat Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2014

Majlis ini merupakan salah satu program utama sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2014 yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu pada 30 Januari 2015 di Masjid Al-Imam As-Shafie, Taman Maluri. Ia bertujuan untuk memohon keberkatan ke hadirat ilahi untuk keselamatan, keamanan dan kesejahteraan Negara agar terpelihara daripada sebarang bencana alam, wabak penyakit dan jenayah serta menggalakkan penglibatan masyarakat keseluruhannya termasuk golongan remaja, belia dan dewasa dalam program atau majlis berbentuk keagamaan ke arah pembentukan sahsiah diri yang tinggi. Dianggarkan kira-kira 1,000 orang menghadiri Majlis Tahlil ini terdiri daripada pelbagai peringkat umur.

Majlis Tahlil diserikan lagi dengan tazkirah dan penyampaian sumbangan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, YB Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor. Sumbangan sejumlah RM20,000 dihulurkan kepada Masjid Al-Imam Ash Shafie, Madrasah Alyamani dan 50 orang Anak-Anak Yatim.



Program Forum Perdana Ehwal Islam Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2014

Program Forum Perdana Ehwal Islam adalah anjuran bersama KWP dan PPKB dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang telah diadakan di Padang Kelab Sultan Sulaiman, Kampong Bharu pada 6 Februari 2014.

Forum ini disiarkan secara langsung di RTM TV1 dengan kehadiran ahli panel Ustaz Kazim bin Alias dan Imam Muda Asyraf bin Mohd Rizuan bersama moderator, Ustaz Dr. Ridhuan Tee bin Abdullah. Forum membincangkan tajuk "Penipu Akidah" dan "Pemuda Yang Dirindui Rasullullah S.A.W." Objektif utama adalah bagi merealisasikan sebahagian fungsi Kementerian dalam aspek pembangunan modal insan yang lestari, berdaya tahan, berdaya saing daripada segi ekonomi, jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

Penganjuran program ini sebagai batu loncatan atau titik tolak dalam membina strategi dakwah Islamiah yang berkesan dan bersesuaian dengan arus perdana masa kini. Semua pihak mesti mengambil bahagian dalam mengatasi permasalahan keruntuhan aqidah umat Islam ini dari sekecil-kecil peranan yang boleh dilakukan secara individu sehinggalah usaha yang dilakukan secara berjamaah (berkumpulan).

Majlis Rasmi Hari Terbuka Draf Pelan Induk Terperinci Pembangunan Kampong Bharu

Majlis Rasmi Hari Terbuka Draf Pelan Induk Terperinci Pembangunan Kampong Bharu (PITPKB) dirasmikan oleh Pengerusi Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu. Pemilik dan pewaris tanah diberikan Taklimat Khas Draf Pelan Induk Terperinci Pembangunan Kampong Bharu 2020 oleh Ketua Perunding. Majlis telah diadakan pada 5 April 2014 di Dewan Kelab Sultan Sulaiman, Kampong Bharu.

Pemilik dan pewaris tanah berpeluang mengemukakan sebarang isu atau persoalan mengenai pembangunan semula Kampong Bharu melalui Sesi Soal Jawab yang diadakan. Hari Terbuka ini amat signifikan kepada PPKB dan penganjurannya telah berjaya menjawab serta menangkis pelbagai isu dan salah faham mengenai pembangunan semula kawasan ini. Pemilik dan pewaris tanah berpeluang bersemuka secara langsung bersama pegawai PPKB dan Ketua Perunding.

Hari Terbuka ini turut diisi dengan pameran oleh PPKB, mengenai PITPKB termasuk pelan induk Kampong Bharu pada 2035.



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN



Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya

 03 - 8889 7883

 03 - 8889 7957



www.kwp.gov.my